


**Jilid II
Bil. 16**



**Hari Selasa
10hb Jun, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2117]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2117]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 2176]

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN:

Rang Undang-undang Perkhidmatan Nasional 1980 [Ruangan 2177]

USUL:

Jawatankuasa Pilihan Parlimen—Mengkaji Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran [Ruangan 2188]

PENANGGUHAN MESYUARAT [Ruangan 2202]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Tragedi Feri Sungai Krian [Ruangan 2202]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- ” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- ” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- ” Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- ” Menteri Perusahaan Awam, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- ” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).**
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).**

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, Orang Kaya Indera Shahbandar, D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMED (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Star).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALI UDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat** TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 10hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka sekali lagi memaklumkan iaitu selain daripada yang telah diumumkan pada hari semalam, maka Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah berkenannya telah juga mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen yang lalu iaitu seperti berikut:

1. Akta Penghitungan Semula Pencen 1980
2. Akta Dagangan Komoditi 1980;
3. Akta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980; dan
4. Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Endut.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Pant.

PASUKAN SUKARELAWAN POLIS

1. Tuan Yusof bin Malim Kuning (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan peranan penting yang dimainkan oleh Pasukan Sukarelawan Polis dalam Negara ini; dan berapa jumlahnya anggota itu sekarang lelaki dan perempuan; dan adakah Kementerian bercadang hendak membesarkan lagi Pasukan tersebut; dan adakah Kementerian bercadang hendak menambahkan elaun bertugas mereka oleh kerana apa yang dibayar sekarang sangat rendah tidak setimpal dengan tanggungjawab mereka. Jika ya, bila.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas utama Pasukan Sukarelawan Polis adalah untuk membantu Pasukan Polis dalam tugas-tugas biasa kecuali dalam tugas-tugas penyiasatan jenayah, operasi, tugas Unit Rusuhan, tugas di Mahkamah dan juga tugas Cawangan Khas. Walau bagaimanapun, jika keadaan negara dan juga ketenteraman awam terancam anggota-anggota Sukarelawan Polis ini boleh dikerah untuk berkhidmat cergas sepenuh masa ataupun mobilise.

Tugas-tugas biasa yang dijalankan oleh anggota-anggota Sukarelawan Polis ini adalah sepertimana tugas di Pejabat Bertanya ataupun Tempat Bertanya, tugas-tugas beat, meronda jalan kaki ataupun kenderaan, tugas-tugas menjaga trafik, telephone operator, tugas-tugas di Bilik Kawalan Kontinjen Polis ataupun di Daerah dan juga tugas-tugas pentadbiran biasa serta juga tugas-tugas pengiring ataupun escort dan tugas-tugas mengawal di masa keramaian.

Jumlah keanggotaan Pasukan Sukarelawan Polis pada masa sekarang ini adalah seramai 2,374 orang iaitu 2,234 orang daripada

anggota Sukarelawan Polis Lelaki dan baki-nya iaitu seramai 140 orang adalah terdiri daripada Sukarelawan Polis Wanita.

Pihak Kerajaan memang bercadang untuk membesarkan lagi pasukan Sukarelawan Polis ini termasuklah di negeri Sabah dan juga Sarawak di mana negeri-negeri tersebut pada

<i>Pangkat</i>			
Inspektor ke atas
Pegawai Pangkat Rendah
Konstabel

Yang kedua, sagu hati tahunan (annual bounty) juga diberi iaitu sebanyak \$200 sebulan mengikut kadar baru yang mana kadar lama ialah hanya \$60 sebulan sahaja.

Selain daripada itu uniform, uniform ini kadarnya tidak berubah iaitu pada masa lantikan \$200 dan bagi tahunan ialah sebanyak \$50 setahun.

Selain dari itu jumlah maksima seseorang Sukarelawan itu boleh menuntut elaun bertugasnya adalah juga digandakan iaitu daripada 24 jam yang dahulu kepada 48 jam sekarang ini.

Tuan Au How Cheong: Soalan tambahan. Selain daripada elaun yang kecil yang diberi itu adakah Kementerian sedar bahawa Pasukan Sukarelawan ini diberi latihan tembak-menembak yang jarang sekali sehingga ramai mereka yang tidak tahu bagaimana tembak-menembak. Jika keadaan itu sedar, saya ingin hendak tahu apakah tindakan yang akan diambil supaya memperbaiki keadaan itu.

Tan Sri Datuk Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, latihan kepada Anggota-anggota Sukarelawan Polis ini diberi sebagaimana latihan yang diberi kepada polis tetap selain daripada undang-undang di bawah polis dan juga latihan-latihan menembak. Tetapi tidaklah begitu intensif sebagaimana anggota-anggota polis biasa. Walau bagaimanapun, latihan-latihan menembak ini diadakan juga pertandingan-pertandingan menembak supaya meningkatkan lagi mutu kebolehan menembak di antara Ahli-ahli Pasukan Sukarelawan Polis ini.

masa ini Pasukan Sukarelawan Polis ini belum lagi ditubuh.

Berhubung dengan elaun baru bagi Suka-relawan Polis ini, Kerajaan baru sahaja meluluskan kadar-kadar tersebut iaitu kadar-kadar elaun baru yang telahpun berkuatkuasa pada 1hb April, 1980.

<i>Kadar Baru</i>	<i>Kadar Lama</i>
\$1.65 satu jam	65 sen satu jam
1.35 satu jam	50 sen satu jam
70 sen satu jam	40 sen satu jam

KOSMETIK/TIRUAN—BAHAGIAN PENGUATKUASA

2. Tuan Karpal Singh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan tangkapan yang dibuat oleh Bahagian Penguatkuasa berkait dengan barang-barang kosmetik dan ubat tiruan yang telah banjiri pasaran. Nyatakan jumlah wang yang dikutip dari denda dan kompaun. Apakah langkah-langkah Menteri berkenaan bercadang mengambil untuk mencegah orang awam yang tidak salah daripada ditipu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya telah berjaya memperolehi 145 kes yang melibatkan barang-barang kosmetik dan ubat-ubat tiruan. Nilai barang-barang kosmetik dan ubat tiruan yang dirampaskan ialah \$15,421,711. Daripada jumlah kes yang dinyatakan 74 kes telah selesai dibicarakan di mahkamah dan jumlah denda yang telah dijatuhkan ialah \$32,185,000. Tidak ada wang kompaun dipungut kerana kesalahan-kesalahan ialah di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan di dalam Akta ini tidak diperuntukkan kompaun.

Kementerian saya akan terus memperhebatkan tindakan-tindakan ke atas pengeluaran-pengeluaran dan penjual-penjual barang-barang kosmetik dan ubat-ubat tiruan ini untuk melindungi pengguna-pengguna daripada ditipu kerana barang-barang tiruan ini bukan sahaja palsu tetapi juga boleh membahayakan kesihatan sesiapa yang menggunakannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa sebab barang-barang tiruan dapat membanjiri di pasaran kita ialah kerana undang-undang yang ada sekarang tidak mencukupi dan tidak begitu berkesan. Saya suka mendapat tahu sama ada pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengemukakan pindaan supaya undang-undang boleh dijalankan lebih ketat sebagai satu cara untuk melindungi para pengguna-pengguna.

Dato' Lew Sip Hon: Memang benar peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 tidak begitu berkesan seumpamanya apabila kita rampas barang tiruan kita boleh tahan barang-barang itu tetapi tidak boleh tangkap orang itu tanpa waran. Ini adalah satu kelemahan dan saya rasa denda yang diperuntukkan di bawah Akta inipun tidak begitu tinggi untuk mengelakkan perbuatan seperti ini dan Kementerian saya sedang mengkaji undang-undang ini.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan. Hari-hari kita nampak di suratkhbar Cina banyak iklan mengenai ubat dijual untuk menyembuh apa-apa sakit seperti kanser ataupun sakit perempuan dan lain-lain (*Ketawa*). Adakah pegawai-pegawai Kementerian boleh baca suratkhbar Cina dan jikalau ada apa tindakan Kementerian akan ambil.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalnya bukan fasal bahasa itu, tetapi fasal apa tindakan yang diambil kepada iklan semacam itu.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, apabila ada laporan mengenai barang-barang tiruan ini, pegawai Kementerian saya terus mengambil tindakan dan laporan-laporan yang ada atau iklan-iklan yang ada di dalam suratkhbar Cina saya boleh baca dan saya juga kadang-kadang ambil tindakan.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa barang-barang kosmetik dan ubat tiruan yang telah dirampas oleh pihak Kerajaan adalah berjumlah \$15 juta. Saya ingin tahu apakah terjadi kepada barang-barang kosmetik dan ubat tiruan yang dirampas itu, sama ada ianya telah dilelong selepas habisnya perbicaraan ataupun dimusnahkan sahaja.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini ada peruntukan di bawah Akta itu yang mana hakim-hakim boleh menjatuhkan keputusan itu bukan dilelong tetapi dimusnahkan.

RONDAAN PANTAI SABAH

3. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan memperhebatkan lagi rondaan di kawasan pantai Sabah terutama di kawasan Semporna Lahat Datu memandangkan kejadian di mana 11 orang dari Pulau Denawan, Semporna telah terbunuh dan 3 anggota tercedera akibat serangan lanun-lanun dari Pulau Bum-bum, Philipina; dan
- (b) sama ada beliau akan menambah bilangan anggota polis dan menghantar bot-bot baru kawasan tersebut untuk menyekat kegiatan-kegiatan lanun-lanun di sana.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rondaan oleh bot-bot polis marin dan juga kapal-kapal Tentera Laut Di-Raja Malaysia di kawasan perairan Sabah, khasnya di kawasan Semporna dan juga Lahat Datu itu memang sudah diperhebatkan.

Sukalah saya memaklumkan bahawa selepas kejadian di Pulau Denawan pihak berkuasa telah menghantar sebanyak enam buah bot lagi untuk meronda di kawasan itu iaitu empat buah bot daripada Marine Police dan juga dua buah daripada Tentera Laut Di-Raja Malaysia.

Berkaitan dengan bilangan anggota polis dan juga bot, ingin saya memaklumkan bahawa keperluan ini adalah sentiasa di dalam pemerhatian dan bilangannya akan ditambah jika keadaan memerlukannya. Walau bagaimanapun, memang sudah ada rancangan untuk menambah bilangan bot bagi Marine Police di Sabah dan bot-bot itu sedang dalam pembinaan sekarang ini.

Selain daripada itu, sukalah saya memaklumkan untuk memperhebatkan langkah-langkah dan tindakan rondaan di lautan Semporna dan Lahat Datu dan di laut seluruh

negeri Sabah itu, satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan iaitu di antara polis dan juga Tentera Laut Diraja Malaysia supaya dapat menjalankan operasi bersama di seluruh kawasan Sabah. Inilah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di lautan Sabah pada masa ini.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar pada masa kejadian rompakan dan pembunuhan di Pulau Denawan Pasukan Polis (Field Force) yang berkawal di Pulau Siam berdekatan dengan Pulau Denawan ini telah mendengar tembakan-tembakan yang berlaku pada malam itu tetapi dukacita mereka tidak dapat bekejar dan menolong ke tempat itu oleh kerana ketiadaan bot di Pulau Siam itu? Bolehkah Yang Berhormat menerangkan adakah bot-bot yang dibekalkan untuk perairan kita satu daripadanya telah diperuntukkan untuk Pulau Siam ini, kerana tempat ini adalah penting?

Kedua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan adakah perompak-perompak yang telah membunuh itu telah dapat diberkas oleh pihak polis, dan jika ada berapa bilangannya dan apakah hukuman yang dikenakan kepada mereka?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang sedar bahawa ada masa berlakunya kejadian itu pihak polis tidak dapat mengambil langkah dengan segera oleh sebab kekurangan anggota di kawasan itu dan juga kekurangan bot rondaan oleh sebab-sebab yang tertentu, setengah-setengahnya ialah dari beberapa buah bot yang ada di tempat itu satu duanya telah rosak. Walau bagaimanapun, tentang cadangan Yang Berhormat itu untuk menempatkan bot di Pulau tersebut itu akan diambil ingatan.

Berhubung dengan kejadian ini sememangnya perompak-perompak yang telah melakukan tembakan ataupun pembunuhan khususnya telah dapat ditangkap seramai 5 orang dan mereka ini telah didakwa di mahkamah dan hanya menunggu masa untuk perbicaraan sahaja.

DASAR EKONOMI BARU— PERKAPALAN

4. Tuan P. Patto: minta Perdana Menteri menyatakan sama ada memandangkan hanya tinggal sepuluh tahun lagi bagi Kerajaan untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru, iaitu mengujudkan satu keadaan di mana 30% daripada ekonomi kita dikuasai oleh kaum Bumiputra menjelang 1990, Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menyerahkan perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan kepada individu atau Kumpulan Bumiputra, jika ya, bagaimanakah Kerajaan bercadang melaksanakan rancangan-rancangan itu dan sama ada penyerahan ini akan terhad kepada pemimpin-pemimpin UMNO (UMNOPUTRA) sahaja.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan sedang menyediakan dasar dan peraturan pindah hakmilik saham syarikat-syarikat amanah kepada kaum Bumiputra. Oleh kerana usaha ini masih lagi belum selesai, saya tidak dapat memberi butir-butir mengenai rancangan itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memulakan pemindahan saham syarikat-syarikat amanah itu mulai daripada tahun 1981. Kerajaan akan menentukan bahawa sebilangan besar daripada golongan Bumiputra akan mendapat faedah daripada pengagihan saham itu. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, dasar-dasar Kerajaan dibuat untuk kepentingan rakyat jelata dan bukan untuk kepentingan pemimpin UMNO.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa salah satu daripada perkara yang menghalang pelancaran pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru disebabkan oleh sifat negatif DAP dalam membantu bumiputra yang ketinggalan dalam ekonomi dalam negara ini, dan apakah tuduhan yang dibuat oleh DAP ini merupai kebimbangan DAP-putra yang menggagalkan pergerakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Lim Kit Siang: Memandangkan satu seruan yang ada dibuat dalam Kongres Bumiputra yang ketiga baharu-baharu ini diadakan

yang dikelolakan oleh pihak Kerajaan sendiri bahawa matlamat atau target 30% ditinggikan kepada 51%, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini sama ada seruan ini ada diterima atau ditolak oleh kerana kalau ada perubahan tentulah target ini ada berubah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini juga ada luar daripada soalan asal. Apa yang sudah ditentukan ialah dasar Kerajaan dan permintaan daripada satu-satu badan atau seminar itu tidak boleh dibahaskan atau dipersoalkan di sini.

MEMORANDUM DARI ASSOCIATED CHINESE CHAMBER OF COMMERCE AND INDUSTRY

5. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa apakah tindakan yang positif telah diambil oleh Kerajaan untuk mengkaji dan meninjau memorandum yang dikemukakan kepadanya oleh "The Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry of Malaysia", terutamanya yang berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat China dalam konteks pelaksanaan DEB dan ICA sepertimana yang dibincangkan dalam Konferen Ekonomi China Malaysia yang diadakan pada 9-4-1978.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang mengkaji memorandum ACCCIM dan akan berjumpa dengan Jawatankuasa ACCCIM untuk membincang perkara-perkara yang dibangkitkan di dalamnya pada 11hb Jun, 1980.

SOSIO-EKONOMI ORANG-ORANG DAYAK

6. Datuk Edwin Anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan untuk mengadakan penyiasatan terhadap keadaan sosial dan kebajikan orang-orang Dayak di Sarawak serta untuk mencari suatu cara bagi memperbaiki keadaan moral, martabat dan ketenangan masyarakat luar bandar akibat dari keghairahan ekonomi di kawasan-desa; dan adakah beliau akan menimbangkan penubuhan sebuah Agensi pembangunan luar bandar untuk menyediakan rancangan-

rancangan bagi menyelesaikan masalah-masalah akibat dari perkembangan ekonomi di Sarawak.

Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan telah dan akan terus menjalankan beberapa kajian terhadap keadaan sosio-ekonomi golongan-golongan rakyat di negeri Sarawak termasuklah orang-orang Dayak. Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telahpun membuat satu analisa berkenaan dengan kedudukan kemiskinan di kalangan kumpulan-kumpulan miskin di Negeri Sarawak khasnya mereka yang tinggal di luar-luar bandar dan butir-butir lanjut termasuk program dan projek-projek yang akan disediakan di negeri tersebut adalah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Sementara itu satu Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi telah juga ditubuhkan di Kuching, Sarawak dengan tujuan untuk menjalankan kajian-kajian yang bercorak sosio-ekonomi dan mengesan masalah-masalah serta mengetahui impak projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dari masa ke semasa di negeri berkenaan. Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi juga telah dan akan terus mengadakan Seminar-seminar Pembangunan dan juga perbincangan-perbincangan dengan pemimpin-pemimpin dan penduduk-penduduk tempatan di Sarawak bagi mengetahui dengan cara lebih dekat lagi tentang masalah-masalah mereka.

Buat masa ini Kerajaan berpendapat tidaklah perlu bagi Kerajaan untuk menubuhkan sebuah agensi pembangunan luarbandar bagi tujuan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Agensi-agensi Kerajaan yang ada sekarang adalah mencukupi. Malahan tugas yang kita hadapi hari ini ialah untuk memperbaiki, memperkemas dan menyusun fungsi-fungsi dan program agensi-agensi yang sedia ada supaya agensi-agensi ini dapat melaksanakan program dan projek mereka dengan lebih berkesan kepada rakyat mengikut perkembangan zaman. Kerajaan baru-baru ini telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan yang akan menyelia dan mengawasi isu-isu dan masalah-masalah pelaksanaan projek pembangunan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan tadi ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar.

PULAU KECIL AMBOYNA— PERTIKAIAN

7. Datuk Lee Boon Peng minta Perdana Menteri menyatakan keputusan dari pertemuan beliau baru-baru ini yang diadakan dengan Menteri Luar Negeri Vietnam dan Perdana Menteri Singapura mengenai perairan wilayah dan pelantar benua dalam peta baru Malaysia, dan seterusnya tentang perisytiharan Kuala Lumpur mengenai kawasan ekonomi seluas 200 batu, khasnya kedudukan Pulau Kecil Amboyna yang dipertikaikan dan Pulau Batu Putih.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, semasa Menteri Luar Vietnam bertemu dengan Perdana Menteri dalam bulan Mei yang lalu, ia telah tidak menimbulkan perkara tuntutan negaranya ke atas Pulau Kecil Amboyna. Tetapi dalam pertemuannya dengan Menteri Luar Negeri kita, perkara ini ada dibangkitkan. Kedua-dua negara telah bersetuju supaya masalah ini diselesaikan secara aman melalui perundingan.

Perdana Menteri Singapura ada menyentuh perkara Pulau Batu Putih semasa pertemuannya dengan Perdana Menteri Malaysia dalam bulan Mei yang lalu. Kerajaan Singapura ada membuat bantahan mengenai perkara ini. Atas dasar saling hormat menghormati dan berbaik-baik antara jiran tetangga, kedua-dua Perdana Menteri telah bersetuju supaya perkara ini diselesaikan secara aman melalui perundingan.

MEMAJUKAN PERDAGANGAN BUMIPUTRA

8. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar adanya diskriminasi dalam usaha Kerajaan memajukan perdagangan dan perusahaan di antara Bumiputra yang menyokong UMNO dengan Bumiputra yang tidak menyokong UMNO, dan adakah bertenangan dengan dasar Kerajaan sekiranya Bumiputra yang tidak menyokong UMNO ini berbaik-baik dengan pemimpin UMNO untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan bagi mengukuhkan perniagaan mereka.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adanya diskriminasi ke atas kelompok-kelompok bumiputra dalam usaha Kerajaan untuk memajukan bumiputra di bidang perdagangan dan perusahaan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa adalah menjadi satu dasar Kerajaan untuk membantu dan memajukan rakyat bumiputra dalam bidang ekonomi dan sosial sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Di dalam melaksanakan apa-apa bantuan terutama dalam bidang perdagangan dan perniagaan Kerajaan akan sentiasa memastikan iaitu individu atau perkongsian bumiputra mempunyai keupayaan dan sikap ketekunan untuk berjaya dalam bidang tersebut.

Kriteria inilah yang sentiasa digunakan oleh Kerajaan dan agensi-agensinya dalam memberi bantuan dan kemudahan ini mungkin tidak mencukupi bagi menentukan kejayaan mereka sekiranya tidak ada keupayaan, daya usaha dan ketekunan yang datangnya dari diri mereka sendiri.

Soal siapa memberi sokongan atau bantuan untuk apa juga maksud adalah masalah peribadi peniaga dan bukan soal Kerajaan. Jika benar bahawa cuma penyokong UMNO sahaja yang mendapat peluang kerja hari ini parti Pembangkang akan bankrap tetapi kita tahu dari pembiayaan parti Pembangkang dalam pilihanraya bahawa mereka lebih mewah daripada parti UMNO. Kerana tidak ada bukti mereka mendapat wang yang banyak ini dengan cara haram, kita percaya mereka mendapat nikmat dari peluang-peluang perniagaan yang ada dengan berkat pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang UMNO menjadi tulang belakang (*Tepuk*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Dato' bahawa Yang Amat Berhormat telah menafikan yang diskriminasi timbul dalam Kerajaan terhadap penyokong PAS tetapi adakah Yang Amat Berhormat Dato' sedar bahawa pemimpin PAS sendiri mendiskriminasikan penyokongnya supaya tidak memajukan diri dalam soal perdagangan dan perusahaan, juga pembangunan negara yang

melibatkan hal-hal dunia; supaya kemajuan itu dapat dibolot oleh pemimpinnya sahaja. Jika sedar, adakah Yang Amat Berhormat Dato' pernah didampingi oleh ahli-ahli PAS untuk mendapat kemudahan dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini sama ada sedar atau tidak sedar sahajalah.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sekali-kali menyebut PAS dalam jawapan saya ini, cuma parti Pembangkang. Walaupun demikian, saya dengar juga perkara ini berlaku, sama ada betul atau tidak itu terpulanglah kepada semua orang tetapi saya biasa didampingi oleh pemimpin-pemimpin parti PAS dahulu dan sekarang inipun untuk mendapat bantuan supaya mereka mencapai kejayaan dalam peluang perniagaan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai soal yang kedua, iaitu sama ada salah atau bertentangan dengan dasar Kerajaan sekiranya bumiputra yang tidak menyokong UMNO itu berbaik-baik dengan pemimpin UMNO untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan perniagaan mereka kerana masalah ini pernah ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Sabak Bernam, kalau tak salah saya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi perkara ini adalah perkara peribadi orang itu sendiri dan kalau dia hendak berdamping, hendak minta pertolongan, Kerajaan tidak ada menentukan syarat-syarat bahawa cuma orang UMNO sahaja yang boleh dekat dengan Kerajaan. Sebenarnya ahli-ahli PAS pun diberi dekat dengan Kerajaan kalau mereka hendak.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, hendak berkelahi sahaja ini. Yang Berhormat Tuan Thomas Salang Siden.

Tuan Liben Anak Kato: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Julau.

PENCARI-PENCARI KERJA

9. Tuan Liben Anak Kato (*di bawah S.O. 24 (4)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan peratus murid-murid yang telah tamat Tingkatan 5 yang masih mencari pekerjaan sejak bulan Disember, 1978 hingga kini, di Sarawak dan Sabah.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, angka-angka pencari-pencari kerja di Negeri Sabah dan Sarawak adalah disimpan mengikut kumpulan pekerjaan dan tidak mengikut tingkatan sekolah. Oleh yang demikian tidak ada angka-angka yang menunjukkan berapa pendaftar terdiri dari Tingkatan V persekolahan mereka.

Pada akhir bulan Disember 1979 jumlah pencari-pencari kerja yang telah didaftarkan di Negeri Sabah ialah 552 dan bagi Sarawak ialah 11,484.

Jika dibandingkan dengan angka-angka pada akhir tahun 1978 pendaftaran di Sabah adalah kurang sebanyak 70 dan di Sarawak menambah sebanyak 1,998.

Bagaimanapun mengikut pengalaman yang diperolehi, pencari-pencari kerja di Sabah dan Sarawak yang lulus Tingkatan V lazimnya memilih jawatan-jawatan perkeranian sebagai pilihan mereka. Jika ini diambil sebagai satu ukuran, maka pada penghujung tahun 1978, dari 622 pencari kerja yang berdaftar di Sabah 301 orang adalah terdiri dari mereka yang memilih jawatan-jawatan perkeranian iaitu meliputi 48.3%. Sementara di Sarawak pula dari jumlah 9,486 yang berdaftar bilangan yang memilih jawatan perkeranian ialah seramai 3,577 orang iaitu 37.7%.

Pada akhir tahun 1979, dari jumlah 552 orang pencari kerja yang berdaftar di Sabah, 241 memilih jawatan perkeranian iaitu merupakan 43.6% dan di Sarawak pula dari jumlah 11,484 yang berdaftar, 4,684 telah memilih jawatan perkeranian; yang merupakan 40.7%.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan dan angka-angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa pertambahan dari jumlah mereka yang keluar dari Tingkatan V adalah bertambah. Ini menunjukkan bahawa secara praktikal ini

bermakna bahawa pertambahan pengangguran itu berlaku. Jadi apakah tindakan pihak Kementerian/Kerajaan untuk memperbanyakkan peluang pekerjaan untuk menyediakan mereka ini yang telah keluar daripada Tingkatan V dan mungkin VI.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tambahan yang ditunjukkan oleh angka-angka ini tidaklah begitu besar, tetapi masalah di Sabah pula tidak bertambah langsung. Angka-angka yang berdaftar di pejabat Kementerian adalah kurang tahun demi tahun. Di Sarawak bertambah sedikit pula dan tambahan ini mungkin berlaku oleh kerana beberapa sebab dan bukan kerana pengangguran.

Apa yang saya dapat tahu di Sarawak peluang-peluang pekerjaan banyak lagi, tetapi jika semua yang keluar sekolah ingin pilih jawatan perkeranian sahaja memang akan menjadi kekurangan jawatan jika dibandingkan dengan pencari kerja. Peluang-peluang di kawasan-kawasan yang membangun untuk-jawatan-jawatan teknik dan lain-lain adalah besar dan saya harap pemuda-pemudi di Sarawak akan juga minat terhadap jawatan-jawatan yang bernilai seperti jawatan-jawatan teknik juga.

IBU PEJABAT LEMBAGA PERANCANG KELUARGA

10. Tuan Mohamed Khir Johari minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan terakhir bersangkutan dengan projek membina Ibu Pejabat bagi Lembaga Perancangan Keluarga yang telah mula dirancang di dalam tahun tujuh puluhan dahulu, dan pinta nyatakan sebab-sebab keselamatan menjalankannya serta menyatakan berapakah sewa sebulan dibayar sekarang bagi memuatkan Ibu Pejabat LPKN di Kuala Lumpur.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perancang Keluarga Negara telah diluluskan sebidang tanah seluas 3 ekar di Jalan Temerloh berhampiran dengan Hospital Besar Kuala Lumpur bagi tujuan membina ibu pejabatnya. Tanah ini diperolehi sebagai tukar ganti kepada tanah Lembaga di Jalan Dungun. Keputusan memindahkan tapak daripada Jalan Dungun ke Jalan Temerloh, berhampiran dengan Hospital Besar Kuala Lumpur

itu adalah dibuat hasil cadangan daripada rundingan pusat kepakaran supaya bangunan pusat kepakaran diletakkan bersama-sama dengan bangunan ibu pejabat. Aktiviti yang akan dijalankan oleh pusat kepakaran itu memerlukan ianya ditempatkan berhampiran dengan Hospital Besar supaya pakar-pakar dan lain-lain kemudahan Hospital Besar, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia di Institut Penyelidikan Perubatan dapat digunakan bersama membantu pusat kepakaran.

Lembaga juga telah mengemukakan kepada Jawatankuasa Kecil anggaran Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (NDPC) untuk mendapat peruntukan sebanyak \$4 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi membiayai sebahagian daripada kos pembinaan bangunan yang tersebut.

Pada masa ini usaha-usaha sedang dijalankan untuk melantik perunding-perunding untuk diperakui dan diselaraskan oleh Yunit Penyelarasan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri kerana projek ini menggunakan peruntukan Kerajaan. Kelambatan yang berlaku ialah disebabkan oleh perkembangan-perkembangan di atas dan masalah-masalah kekurangan wang yang didapati oleh Lembaga oleh kerana kos pembinaan meningkat tinggi. Oleh itu, Lembaga terpaksa mengubahsuai dan mengurangkan tingkat-tingkat bangunan yang telah dipersetujui itu.

Pada masa ini Ibu Pejabat Lembaga Perancang Keluarga Negara ditempatkan di Bangunan Yayasan Selangor semenjak bulan Oktober, 1978 dengan membayar sewa sebanyak \$31,243 sebulan.

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA KE LUAR NEGERI

11. Puan Shariffah Dorah binti Mohammad minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan ramainya anak-anak Malaysia yang bersekolah di Republik Singapura di mana sukatan mata-pelajarannya adalah sangat berlainan dengan Malaysia, adakah pihak Kementerian telah membuat sebarang kajian dan bercadang untuk mendirikan sekolah-sekolah yang berdasarkan mata-pelajaran Malaysia di Republik Singapura.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, soal pelajar-pelajar dan murid-murid dari Malaysia pergi ke luar negeri untuk maksud mendapatkan pelajaran telah dibangkitkan dalam Dewan ini dan telahpun dijawab iaitu pada 27hb Mac, 1980 yang lepas. Dalam perkara ini Kerajaan mengamalkan dasar tidak campur tangan dan sekiranya masih ada ibu bapa atau sesiapa saja yang mampu dan memilih hendak menghantarkan anak-anak mereka belajar ke luar negeri, maka Kerajaan tidaklah bercadang hendak menghalangnya.

Mengenai bahagian yang kedua soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan haruslah mengkaji soal sama ada perlu mendirikan sekolah-sekolah yang berdasarkan matapelajaran Malaysia di negara yang berkenaan dengan lebih mendalam sebelum membuat apa-apa keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Kementerian berkenaan mempunyai angka-angka berapa murid-murid anak-anak Malaysian yang ada di Singapura untuk pelajaran rendah dan untuk pelajaran menengah.

Dato' Chan Siang Sun: Saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta notis.

TELEFON—KELAMBATAN MEMBEKALKAN ALAT

12. Tuan Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar, bahawa kelambatan bagi membekalkan alat-alat telefon seperti tiang, dawai dan sebagainya disebabkan Kerajaan terikat dengan satu pemborong sahaja dan jika sedar, apakah langkah-langkah segera perlu diambil; dan adakah Kementerian ini akan memberi peluang kepada pemborong-pemborong yang lain.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, tidaklah benar bahawa semua kelambatan membekal bahan-bahan peralatan telefon disebabkan Jabatan Telekom bergantung kepada satu pembekal

sahaja. Umpamanya dalam pembelian kebel plastik, Jabatan Telekom mempunyai empat pembekal tempatan. Walau bagaimanapun, ada terdapat kelewatan dalam membekal tiang-tiang kayu yang mana Jabatan Telekom hanya mempunyai satu pembekal sahaja. Kelewatan pembekalan tiang-tiang kayu ini bukanlah disebabkan Jabatan Telekom bergantung kepada satu pembekal sahaja tetapi ianya adalah disebabkan oleh masalah-masalah yang dihadapi oleh pembekal berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi makluman Ahli Yang Berhormat kontrek pembekalan tiang-tiang kayu ini sudahpun tamat dan Jabatan Telekom sedang menguruskan satu tender yang baru bagi membekalkan tiang-tiang kayu berkenaan dan bagi tender baru ini Jabatan Telekom akan berusaha mendapatkan lebih dari satu pembekal.

Mengenai membuka peluang kepada pemborong-pemborong lain, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sistem pembelian Jabatan Telekom adalah mengikut sistem tender terbuka dan dengan demikian sesiapa sahaja boleh mengambil bahagian dalam tender-tender tersebut.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan dalam Dewan yang mulia ini dalam kawasan pilihanraya saya tiang telefon telah dipasang pada akhir tahun 1978 dalam kawasan Ayer Tawar Satu iaitu selepas pilihanraya. Sehingga hari ini separuh dari tiang itu dipasang dan separuh tidak dapat dipasang dan apabila ditanya dalam Tindakan Daerah, katanya tidak ada bekalan daripada pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang tidak dapat dipasang ini kerana apa?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tidak dapat bekalan. Jadi tolong terangkan.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini aduan yang khusus daripada kawasan Ahli Yang Berhormat itu, saya ambil ingatan dan akan menyampaikan perkara ini kepada pihak yang berkenaan untuk menyasat.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan, adakah beliau

sedar oleh kerana Pejabat Telekom terpaksa membeli kebel-kebel dalam Malaysia sahaja dan kilang-kilang mengeluarkan kebel-kebel di Malaysia tidak boleh supply kepada Telekom, sebab itu banyak tempat di Johor ada tiang tetapi tidak ada kebel dan jikalau begini, tidakkah lebih baik Telekom boleh membeli kebel-kebel dari luar negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Panting ini bukan sahaja beli kebel tidak ada, tetapi di sini pun kebel tidak cukup.

Tuan Lee Kaw: Tetapi Telekom ini semua ada tiang tidak ada kebel, ada kebel tidak ada tiang (*Ketawa*).

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada tiang tidak ada kebel, ada kebel tidak ada tiang, saya ingat itu soal penyelarasan itu boleh kita buat, tetapi apa pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kluang, saya juga ambil ingatan dan saya ucapkan terima kasih dan perkara ini akan dirundingkan dengan pihak yang berkenaan.

Tuan Bujang bin Haji Uli: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, ini dua-dua tidak ada (*Ketawa*).

Tuan Bujang bin Haji Uli: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, menurut pengalaman saya, pihak Kementerian seperti di Sarawak mendapatkan tiang-tiang telefon ini ataupun elektrik ialah dari sejenis kayu sahaja iaitu berlian dan ada juga jenis kayu yang lain tetapi ditumpukan kepada berlian. Jadi sekarang didapati supplynya kekurangan, kerana penguatkuasaan begitu intensif semenjak sebelum merdeka dan sebagainya. Kalau sedar, apakah tindakan pihak Kementerian untuk berusaha menentukan supaya supply pembekalan kayu jenis berlian ini akan sentiasa dijagati dan dapat menjamin keutuhan pembekalan kayu itu untuk tiang telefon dan sebagainya di masa hadapan.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjalankan rancangan untuk mengekalkan pembekalan kayu berlian ini bukanlah jajaan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tetapi tidakkah bermakna

bahawa dalam menyediakan tiang-tiang Telekom ini bahawa kita hanya menggunakan satu jenis kayu sahaja dan sepertimana saya jawab dalam jawapan sebentar tadi apabila kita membuka untuk ditender, kita akan memastikan bahawa kita akan mendapat bekalan yang secukupnya supaya tidakkah ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak ada tiang Telekom itu akan terasa berada dalam kegelapan ataupun jauh dalam kesunyian.

SUBSIDI MINYAK TANAH/ DISEL/PETROL

13. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jenis subsidi-subsidi yang diberikan oleh Kerajaan untuk mengurangkan harga-harga minyak tanah, disel dan petrol; dan bagaimana subsidi-subsidi ini telah berlaku.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis subsidi yang diberi oleh Kerajaan untuk mengurangkan harga baru minyak tanah, minyak disel dan minyak petrol yang berkuatkuaasa mulai 25-4-1980 adalah seperti berikut:

(i) *Subsidi ke atas minyak disel dan minyak tanah*

Berkuatkuaasa mulai 25-4-1980, minyak disel diberi subsidi sebanyak 86 sen segelen dan minyak tanah \$1.04 sen segelen di Semenanjung Malaysia, \$1 segelen di Sarawak dan 99 sen segelen di Sabah. Subsidi ini diberi kepada syarikat-syarikat minyak untuk membolehkan mereka menjual pada paras harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Subsidi ini akan menelan belanja kira-kira \$348 juta setahun;

(ii) *Pampasan kepada barang-barang petroleum yang diimport*

Pampasan diberi ke atas gas memasak, premium petrol, regular petrol, disel dan minyak tanah yang diimport untuk membolehkan syarikat-syarikat minyak menjual di paras harga baru yang mana adalah lebih rendah dari kos pengimporan. Ini juga adalah sebagai satu insentif kepada syarikat-syarikat minyak untuk mengimport barang-barang tersebut. Pampasan ini dijangka akan menelan belanja kira-kira \$270 juta setahun;

(iii) *Pampasan kepada kilang penapis*

Pampasan juga diberi kepada kilang penapis Shell di Lutong untuk membolehkan syarikat tersebut menjual dengan harga yang lebih murah. Ini adalah kerana kilang penapis Shell sedang memproses minyak jenis Miri yang mana harganya adalah lebih tinggi daripada harga minyak mentah lain. Pampasan ini juga akan membolehkan Kerajaan menetapkan harga runcit yang sama di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. Pampasan ini dijangka menelan belanja kira-kira \$20 juta setahun.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi dan pampasan tersebut di atas adalah dianggarkan berjumlah \$638 juta dalam tahun 1980.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa walaupun Kerajaan telah memperuntukkan wang yang begitu banyak sebagai bantuan subsidi kepada syarikat-syarikat minyak tempatan bagi menstabilkan harga minyak, namun begitu harga bahan petroleum semakin meningkat. Baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa kelima-lima syarikat minyak tempatan telahpun mengemukakan permohonan baru mereka untuk mendapat kelulusan kenaikan harga. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan peraturan-peraturan tertentu supaya syarikat minyak tempatan dibenarkan mengemukakan permohonan baru hanya selepas sekurang-kurangnya 2 tahun selepas kebenaran yang baru itu telah diberikan bagi menjamin harga minyak lebih stabil?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab utama kenaikan harga barang-barang petroleum ialah kenaikan harga minyak mentah oleh negara-negara OPEC dan seperti saya katakan tadi cuma 70% daripada barang-barang petroleum ditapis daripada minyak mentah negara kita ini, tetapi kita sedang mengimpot minyak mentah daripada negara-negara Arab. Apabila harga itu naik kos pengeluaran barang-barang petroleum itu mesti naik bersama dan kita tidak boleh menahan atau mengadakan

satu jadual yang mana cuma kenaikan harga barang-barang petroleum itu dilakukan hanya dua tahun sekali, kerana kalau kita buat begitu dan kalau kita hendak stabilkan harga dalam paras yang tertentu, subsidi yang akan ditanggung oleh Kerajaan akan naik kepada satu paras yang saya rasa tidak dapat dipikul atau kilang penapis minyak mentah dan juga syarikat yang mana mengimport barang-barang petroleum daripada luar negeri tidak boleh menampung kos pengeluaran dan ini akan mengakibatkan kekurangan bekalan barang-barang petroleum dan ini akan mendatangkan kesusahan kepada pengguna-pengguna.

PESARA-PESARA

14. Dr Tan Tiong Hong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah orang-orang berpencen dan orang-orang yang akan berpencen dalam masa 5 tahun yang akan datang;
- (b) rancangan kebajikan untuk menolong orang-orang berpencen yang susah mendapat tempat kediaman dan kerja gantian; dan
- (c) pembayaran elaun kepada orang-orang pencen boleh dibuat dengan lebih mudah dan cepat.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pesara pada akhir bulan Mei, 1980, ialah seramai 78,259 orang. Dalam masa lima tahun yang akan datang dianggarkan seramai 6,500 orang daripada kakitangan Kerajaan akan bersara tiap-tiap tahun tidak termasuk bilangan yang akan bersara daripada Angkatan Tentera dan perkhidmatan-perkhidmatan awam di Sabah dan Sarawak. Ini bermakna hampir 2% daripada kakitangan perkhidmatan awam yang akan bersara pada tiap-tiap tahun.

Pada masa ini belum ada rancangan kebajikan yang tertentu untuk menolong pesara-pesara mendapat tempat kediaman atau pekerjaan semula selepas mereka bersara. Walau bagaimanapun, Kerajaan memberikan bantuan dan keutamaan pada pesara-pesara apabila mereka memohon menyertai atau mendapatkan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan seperti rumah-rumah awam kos rendah dan sebagainya.

Peraturan membayar elaun bersama-sama dengan pencen kepada pesara-pesara melalui Waran Cek (Bank Negara) bagi yang menyimpan kira-kira bank dan Waran Pos yang boleh ditukar kepada wang tunai di Pejabat pos yang dipilih, adalah cara yang difikirkan sangat mudah dan cepat. Walau bagaimanapun, siasatan juga sedang dibuat mengenai kemudahan untuk membayar pesara-pesara melalui bank-bank perniagaan tempatan. Sebarang pengaduan yang diterima dari pesara-pesara mengenai perkara ini akan diasas dan sekiranya ada cara lain yang lebih sesuai mengikut keadaan di mana pesara itu berada Kerajaan akan mempertimbangkannya dengan wajar.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Menteri berkenaan memberitahu kepada Dewan ini dalam masa lima tahun yang akan datang setiap tahun ada lebih kurang 6,500 kakitangan Kerajaan yang akan bersara. Saya ingin tahu sama ada Menteri berkenaan sedar atau tidak berkenaan masalah kediaman, khususnya di Wilayah Persekutuan golongan yang berpcencen dari golongan IMG menghadapi masalah yang besar. Pada masa sekarang ramai pesara-pesara dari IMG langsung tidak mendapat bantuan atau peluang membeli atau menyewa rumah Kerajaan selepas mereka bersara dan oleh kerana itu mereka terpaksa mendiri rumah setinggan dan ini menambahkan lagi masalah rumah setinggan, khususnya di Wilayah Persekutuan. Jika Menteri sedar, adakah rancangan-rancangan yang akan dimulakan untuk mengatasi masalah kediaman pekerja-pekerja dari IMG yang tidak ada kemampuan membeli rumah-rumah sekarang yang dimajukan di dalam housing estates?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar masalah ini maka itulah sebabnya Kerajaan seperti yang saya katakan tadi memberikan keutamaan kepada pesara yang memohon mendapatkan rumah Kerajaan kos rendah dan saya rasa masalah kekurangan rumah di sekitar Kuala Lumpur ini bukan hanya dihadapi oleh pesara-pesara tetapi juga lain-lain rakyat yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang di dalam perhatian Kerajaan dan penyiasatan sedang dilakukan bagaimana mengatasi masalah ini.

PULAU BATU PUTIH—PERTIKAIAN

15. Tuan Peter Paul Dason: minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dalam peremuannya baru-baru ini dengan Perdana Menteri Singapura pertikaian di antara Malaysia dengan Singapura mengenai Pulau Batu Putih telah berbangkit dan jika ya, nyatakan hasil perbincangan mengenai perkara tersebut.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya sebentar tadi telahpun menjawab soalan ini semasa menjawab soalan No. 7 iaitu pertanyaan Yang Berhormat dari Mantin dan saya tidak ada apa-apa untuk menambah.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada jawapan yang diberi pada soalan No. 7 tadi dan yang bersamaan dengan soalan No. 15 saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada dalam tuntutan yang dibuat oleh Singapura, adakah mereka memberi alasan-alasan mengapa mereka menuntut bahawa Pulau Batu Putih itu sepatutnya pulau mereka dan juga apakah alasan-alasan kita untuk mempertahankan bahawa Pulau Batu Putih itu adalah pulau kita?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi Perdana Menteri Singapura ada menyentuh perkara ini dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Jadi soal membawa bukti dan kita mempertahankan tidak lagi timbul, kalau boleh Ahli Yang Berhormat bersabar sehingga perundingan di antara kedua-dua negara diteruskan.

Tuan P. Patto: Kalau saya tak silap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata tadi bahawa pihak Kerajaan Singapura ada membuat bantahan rasmi. Sekiranya ada bantahan rasmi, saya ingin tahu sama ada ianya black and white, dan sekiranya ada black and white, tentulah ada alasan-alasan. Itulah sebab saya minta supaya dapat rakyat negara kita tahu apakah alasan yang diberi oleh mereka?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi Kerajaan Singapura ada membuat bantahan rasmi mengenai perkara ini dan

memanglah kalau bantahan itu secara rasmi, secara black and white, tetapi tentang soal sama ada perkara bukti-bukti dibawakan bersama dalam bantahan itu saya tidak dapat menyatakan maka baiklah perkara ini kita tunggu sampai dirundingkan oleh kedua-dua pihak Kerajaan.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR

16. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sebab-sebabnya Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd., Maran Industrial Estate, Maran yang menduduki dan menggunakan premis berkenaan tanpa memegang sesuatu lesen di bawah Seksyen 18 (1) Akta (Kualiti) Alam Sekitar 1974 dan juga menyebabkan kecemaran alam sekitar yang serious, (rujukan surat Kementerian AS. 31152/74 bertarikh 14hb Mac, 1980) dan seterusnya diarahkan oleh Kementerian supaya menghentikan pendudukan dan penggunaan premis itu dengan serta-merta, tetapi masih lagi berjalan seperti biasa dan tidak ada sebarang tindakan lanjut yang diambil oleh pihak Ketua Pengarah Alam Sekitar, menyebabkan penduduk sekitar bandar Maran menuduh adanya penyelewengan dari pihak pegawai Kementerian, dan jika ya, apa, dan bilakah tindakan lanjut akan diambil mengenai perkara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran atas masalah pencemaran. Memang benar, Syarikat Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. telah menduduki dan menggunakan premis berkenaan tanpa memegang sesuatu lesen di bawah Seksyen 18 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan ini menyebabkan kecemaran alam sekitar yang serius. Sebabnya ialah Syarikat Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. telah diluluskan tanah untuk mendirikan kilang kelapa sawit di Kawasan Perusahaan Maran oleh Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP) dengan dikenakan syarat supaya mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling sebelum membina kilangnya. Syarikat tersebut telah membina kilang kelapa sawit itu dan menjalankan kilangnya tanpa mendapat lesen

daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling walaupun telah dinasihatkan untuk memperolehinya terlebih dahulu.

Kementerian saya telah mengambil tindakan mengikut undang-undang ke atas Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ketua Pengarah Alam Sekeliling telah menjalankan tugasnya dengan cara pertama, menasihati syarikat tersebut supaya memohon lesen mengikut undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling. Tindakan yang kedua ialah dengan Ketua Pengarah Alam Sekeliling memberi amaran seperti surat yang dirujuk oleh Yang Berhormat. Akhirnya setelah pihak syarikat yang berkenaan gagal mengikut nasihat dan amaran itu, syarikat itu telah dihadapkan ke mahkamah di atas kesalahan mengikut Seksyen 18 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling. Mahkamah Session Kuantan pada 6hb Mei, 1980 telah membicarakan kes Syarikat Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. di atas pendakwaan oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling dan mahkamah telah mendapati bahawa syarikat itu telah bersalah dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$1,000 serta arahan supaya pihak Syarikat Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. mendapatkan lesen daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling.

Berikutnya pihak kilang telah diberi tempoh sehingga pertengahan bulan Jun oleh Kementerian saya untuk menyempurnakan dengan sepenuhnya keperluan-keperluan permohonan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, Kementerian saya akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya seperti mendapatkan perintah Mahkamah menghentikan perjalanan atau operasi kilang kelapa sawit syarikat itu. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Ada perkara berkaitan dengan soalan tertentu dan sungguhpun kita tidak sampai kepada Soalan 17, ini ada dalam catitan rasmi

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi itu buat masa lain.

Tuan Lim Kit Siang: Atas perkara point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal jawab sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di atas point of order berkaitan dengan soalan 17 dan point of order yang saya hendak sebut ialah Perkara 23 yang berbunyi;

"Tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini;" dan saya mahu sebut:

"(c) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, fikiran, tohmah, puji atau kaji atau mengandungi kalimah-kalimah mengelirukan, menyindir atau menyakitkan hati;"

Dalam soalan ini ada satu tuduhan yang misleading dan sebenarnya tidak benar dan saya meminta satu ruling oleh kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (2) ini satu salahguna hak untuk menyoal bahawa Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling supaya soalan ini tidak dibenarkan dibuat dalam catitan. Itulah on a point of order yang saya minta.

Tuan Yang di-Pertua: Kuasa menyunting ialah diberikan kepada Setiausaha Parlimen bagaimana yang ada dalam Standing Order di bawah tanggungjawab dan kuasa Setiausaha Parlimen, itu tanggungannya. Dan perkara ini apabila dibawa di sini baru Speaker mengambil bahagian sama ada membenarkan soalan itu atau tidak, serupa juga seperti soalan tambahan yang selalu terbangkit di sini. Saya tidak benarkan kalau perkara itu ada menyebut sesuatu masalah yang bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat dan selama ini saya sebenarnya tidak begitu ketat dalam soal ini pada kedua-dua pihak, sebab kalau saya barangkali menjalankan terus seperti yang ada dalam Peraturan Mesyuarat 23 (1) dengan pecahan-pecahannya 23 (2), 23 (3) dan 23 (4), 22 dan juga 24, banyak pertanyaan tidak boleh sampai ke mari dan banyak yang tidak dapat menyampaikan pertanyaannya. Tetapi saya lebih liberal sedikit dalam soal ini supaya Dewan ini hidup sedikit bukan rowdy tetapi lively itu sebab kadang-kadang saya melepaskan juga kalau di mana ada borderline cases.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 53 adalah diberi di bawah ini.)

PENGURANGAN 2% PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTRA

17. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa DAP telah mendakwa dengan desakannya, maka Kementerian Pelajaran telah mengurangkan pengambilan pelajar Bumiputra ke pusat-pusat pengajian tinggi dalam negara ini sebanyak 2% lebih pada tiap-tiap sesi pengajian, jika ya, apakah tindakan seperti ini akan menggagalkan matlamat DEB Kerajaan, yang merupakan hasrat DAP selama ini dan sama ada Kementerian Pelajaran dapat memberi keyakinan dari kebimbangan Bumiputra mengenai pengurangan ini agar tidak akan dilakukan lagi, tetapi sebaliknya menambah balik kadar yang dikurangkan itu; sebelum tercapai DEB Kerajaan.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Pengurangan 2% yang dimaksudkan ini adalah merupakan pengurangan dari segi komposisi kaum pada keseluruhannya di semua Universiti. Walau bagaimanapun, pengambilan pelajar Bumiputra dari segi angka sebenarnya telah bertambah jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Berdasarkan kepada hakikat ini, jelas bahawa matlamat pencapaian Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tidak akan terjejas.

PENGISYTIHARAN ZON EKONOMI

18. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada sebarang rundingan dibuat dengan negara-negara jiran kita berhubung dengan pengisytiharan Malaysia ke atas Zon Ekonomi Eksklusifnya dan nyatakan apakah reaksi daripada negara-negara ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Rundingan-rundingan awal dengan negara-negara jiran tidak diadakan kerana tidak perlu sama ada dari segi undang-undang antarabangsa atau amalan negara (state practice). Sehingga tarikh ini Kerajaan tidak menerima sebarang reaksi resmi dari sebarang negara berhubung dengan pengisytiharan tersebut. Walau bagaimanapun, rundingan-rundingan akan diadakan kemudian sekiranya perlu, bukan sahaja di antara Malaysia dengan anggota-anggota ASEAN tetapi juga dengan negara-negara

jiran lain yang berkenaan untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang timbul akibat daripada pengisytiharan Zon Ekonomi tersebut.

ASIAN DOLLAR MARKET

19. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah Malaysia tidak menubuhkan Asian Dollar Unit dan sebagainya supaya Kuala Lumpur dapat dijadikan Pusat Kewangan Antarabangsa, seperti Commodities Trading Exchange misalnya dan memandangkan kedudukan kewangan dan ekonomi negara kita yang kukuh dan stable dan mengapa Malaysia tidak berminat untuk menjadikan Kuala Lumpur Pusat Kewangan Antarabangsa.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Pasaran Dollar Asia, di mana urusan dalam Asian Currency Unit dilakukan, digunakan khususnya oleh orang-orang asing yang ingin mengambil kesempatan dari kemudahan-kemudahan bank, tanpa tertakluk kepada sekatan-sekatan kawalan pertukaran. Meskipun Malaysia mempunyai kesemua keperluan asas bagi menubuhkan wang jangka panjang yang kecil tetapi cekap, satu pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang semakin berkembang, satu dasar kawalan tukaran asing yang bebas, satu matawang yang stable dan kukuh, kepakaran dalam hal-hal kewangan dan kemudahan perhubungan yang baik, Kerajaan tidak bercadang menubuhkan satu pasaran Dollar Asia pada masa ini. Oleh kerana kegiatan Pasaran Dollar Asia adalah tertumpu kepada menampung keperluan pelabur-pelabur dan peminjam antarabangsa, masanya belum tiba lagi bagi kita untuk menimbangkan penubuhannya. Keutamaan Kerajaan pada masa ini ialah untuk membangunkan sistem kewangan bagi memenuhi keperluan-keperluan pembiayaan jangka pendek dan jangka panjang negara ini serta membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat antarabangsa bagi perdagangan dan pemasaran barangan.

PENDAFTARAN WARGANEGARA DI SABAH

20. Tuan Abbah bin Mengimbal minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah permohonan-permohonan bagi pendaftaran kewarganegaraan yang masih belum diproses di Sabah sekarang memandangkan bahawa terdapat banyak sungutan bahawa permohonan bagi pendaftaran kewarganegaraan yang diserahkan beberapa tahun yang lalu masih belum diberi jawapan ataupun keputusan;
- (b) sama ada Kementerian beliau akan menimbang melonggarkan ujian bahasa kepada pemohon-pemohon yang telah tua yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia; dan
- (c) sama ada anak-anak pelarian Filipino yang dilahirkan di Sabah akan diberi Kewarganegaraan Malaysia menurut kelahirannya, jika tidak, sama ada Kementerian beliau akan menimbang mengadakan satu sistem yang berasingan bagi pendaftaran beranak untuk kanak-kanak ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia yang masih dalam proses pertimbangan dari Julai 1964 sehingga April 1980 hanyalah sebanyak 9.5% *i.e.* daripada jumlah keseluruhan permohonan yang diterima pada masa yang sama sebanyak 46,768 permohonan.
- (b) Ujian Bahasa Malaysia adalah salah satu daripada syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan dan yang mesti dipenuhi sebelum melayakkan seseorang mendapatkan kewarganegaraan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian tidaklah boleh membuat sebarang pertimbangan mengikut kehendak sahaja bagi melonggarkan ujian tersebut.
- (c) Tidak, kerana mengikut Perlembagaan taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah bergantung kepada taraf kewarganegaraan ibu bapa kanak-kanak. Oleh itu sekiranya ibu bapa kanak-kanak itu bukan Warganegara

maka kanak-kanak itu juga adalah bukan Warganegara. Pihak Kementerian juga tidak bercadang untuk mengadakan sistem yang berasingan bagi tujuan tersebut.

PERMOHONAN PASPOT ANTARABANGSA

21. Tuan Mark Koding minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan :

- (a) sama ada beliau akan menimbang semula bagi mendapatkan paspot kepada warganegara bawah umur (kanak-kanak) yang boleh digunakan selama tempoh lima tahun; warganegara tersebut yang memohon untuk mendapatkan paspot hanya diberi pas khas berdasarkan dari setahun ke setahun. Keadaan ini telah menyebabkan kesulitan kepada orang ramai oleh kerana jangka masa yang berkesan bagi paspot ini ialah sebenarnya sembilan bulan sahaja dan juga menyebabkan kesesakan di Jabatan Imigresen dengan bertambahnya permohonan untuk mendapatkan paspot; dan
- (b) sama ada beliau akan menimbang menjalankan suatu cara baru yang mudah untuk memperbaharui paspot mengikut cara yang sama sebagaimana untuk memohon mendapatkan paspot baru yang memerlukan penyerahan kesemua dokumen-dokumen asal untuk disemak. Keadaan ini menyebabkan kesulitan yang amat sangat kepada pemohon-pemohon dan boleh menyebabkan juga kehilangan dokumen-dokumen peribadi yang penting seperti sijil beranak dan sijil kewarganegaraan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa warganegara bawah umur yang memohon paspot antarabangsa Malaysia diberikan hanya pas khas. Mereka ini lazimnya dikeluarkan paspot yang berlaku selama lima tahun, kecuali atas sebab-sebab tertentu tempoh itu disingkatkan.
- (b) Cara pengeluaran dan pembaharuan paspot antarabangsa sentiasa dikaji dengan tujuan memberi satu khidmat

yang lebih baik lagi kepada orang ramai, walau bagaimanapun keselamatan negara perlulah diberi keutamaan dalam mengendalikan urusan ini.

BANTUAN MEMBINA RUMAH

22. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk meluluskan bantuan membaiki rumah kepada rakyat-rakyat miskin luar bandar, dan negeri-negeri di mana projek ini telah dilaksanakan dengan menyebut bilangan rakyat dan jumlah wang yang terlibat bagi tiap-tiap buah negeri di bawah peruntukan mana sekim ini dibuat.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Bantuan untuk membina rumah ataupun pemulihan rumah adalah merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) yang telah dimulakan oleh pihak Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri pada bulan Julai, 1979.

Pada tahun 1979 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$38 juta untuk melaksanakan Rancangan Pemulihan Kampung. Bagi tempoh tahun 1980 peruntukan sebanyak \$62 juta telah diluluskan untuk rancangan ini.

Dasar untuk memberi kelulusan bagi mendapat bantuan membaiki rumah, adalah berasaskan beberapa kriteria seperti berikut:

- (a) Keutamaan diberi kepada rumah-rumah yang didapati tidak selamat untuk diduduki disebabkan oleh strukturnya dan/atau sangat buruk dari segi kesihatan;
- (b) Keutamaan juga diberi mengikut jenis rumah iaitu:
 - (i) rumah kayu yang dibina dengan bahan kayu yang diambil dari sekeliling kawasan kampung;
 - (ii) rumah kayu dari kayu yang dibeli dari kedai/kilang papan;

Pada tahun 1979/80 keutamaan untuk pemulihan kampung adalah diberi kepada rumah jenis satu (i) sahaja.

(c) Tuan rumah sanggup/mampu mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan, iaitu mengerjakan pemulihan rumah secara sendiri.

Kerajaan akan memberi bantuan untuk memulihkan tiap-tiap satu rumah itu dengan memberikan alat-alatan/perkakas yang bernilai \$1,000 maksima bagi penduduk-penduduk miskin di Kampung Kategori "C" (mundur). Kategori-kategori sesebuah kampung itu telah dibuat melalui Banci-banci Klasifikasi kampung yang dijalankan pada tahun 1978/79. Selain daripada itu, pemilik rumah perlu membuat sendiri atau mengupah apa jua binaan yang perlu dibuat. Tetapi sekiranya satu-satu keluarga itu betul-betul dhaif dan tidak mempunyai sebarang keupayaan langsung untuk membuat sendiri atau membayar upah bagi memperbaiki rumah itu, maka bolehlah dipertimbangkan pemberian upah untuk menyiapkan binaan itu.

Segala permohonan bantuan di bawah RPK adalah ditimbang dan diluluskan di peringkat Daerah oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah.

Jumlah bilangan rakyat (famili) dan jumlah wang yang terlibat bagi tiap-tiap buah negeri di bawah peruntukan pemulihan rumah pada tahun 1979, adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Rumah</i>	<i>Jumlah Peruntukan</i>
Johor	1,065	\$1,065,000
Kedah	2,175	\$2,175,000
Kelantan	3,000	\$3,000,000
Negeri Sembilan ...	330	\$ 330,000
Pahang	800	\$ 800,000
Perak	1,150	\$1,150,000
Perlis	330	\$ 330,000
Selangor	330	\$ 330,000
Trengganu	1,050	\$1,050,000

Negeri Sabah dan Sarawak telah masing-masing pada tahun 1979 diberi peruntukan \$4,000,000 di bawah RPK, tetapi negeri-negeri tersebut memberi emphasis kepada projek-projek pemulihan kampung. Pulau Pinang dan Melaka tidak mengendalikan RPK oleh kerana Banci Klasifikasi Kampung belum dijalankan di negeri-negeri tersebut.

Bagi tempoh 1980 adalah dianggarkan peruntukan ini akan dapat memberi faedah kepada penduduk seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Rumah</i>	<i>Jumlah Peruntukan</i>
Johor	1,930	\$1,930,000
Kedah	2,995	\$2,995,000
Kelantan	4,330	\$4,330,000
Selangor	1,021	\$1,021,000
Pahang	1,393	\$1,393,000
Perak	1,863	\$1,863,000
Perlis	716	\$ 716,000
Negeri Sembilan ...	752	\$ 752,000
Trengganu	2,107	\$2,107,000
Pulau Pinang	798	\$ 798,000
Melaka	798	\$ 798,000

Dalam tahun 1980, Negeri Sabah dan Sarawak masing-masing telah diperuntukkan sebanyak \$6,000,000 dan negeri-negeri tersebut masih menekankan projek-projek pemulihan kampung.

Untuk makluman Yang Berhormat rancangan Pemulihan Kampung ini bukanlah setakat untuk memberi bantuan bagi memperbaiki rumah sahaja tetapi juga ada menyediakan peruntukan kampung dan peruntukan permulaan projek. Di bawah peruntukan kampung tiap-tiap kampung yang telah dipilih boleh menjalankan projek-projek berikut seperti pembinaan jalan, jambatan, tempat mandi, tandas, padang permainan, tempat ibadat dan juga projek-projek gotong-royong. Di bawah peruntukan permulaan projek, kampung-kampung yang telah dipilih untuk melaksanakan RPK boleh menggunakan peruntukan tersebut untuk mengadakan kajian kemungkinan untuk projek-projek kemudahan asas seperti bekalan letrik dan air atau projek-projek ekonomi seperti bengkel dan sebagainya.

Kerajaan akan menilai dan mengkaji dasar dan pelaksanaan RPK daripada masa ke semasa supaya Rancangan ini akan menjadi lebih berkesan dan memberi menafaat kepada rakyat seterusnya.

PENERBITAN RISALAH MENGENAI POLISI KERAJAAN

23. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada risalah-risalah yang diberi kepada orang ramai oleh Kementeriannya menerangkan polisi Kerajaan tentang kesatuan-kesatuan di negeri ini dan sebab-sebab untuk pindaan dibuat atas "Trade Union Ordinance" dan "Industrial Relations Act"; dan
- (b) sama ada risalah-risalah ini dicetak dalam keempat-empat bahasa utama negara ini iaitu, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil; jika tidak, mengapa.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Ya, Penerbitan-penerbitan yang diterbitkan ialah:
 - (i) Pindaan Ordinance Kesatuan Se-kerja dan
 - (ii) Pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan dikeluarkan dengan tujuan menerang kepada orang ramai polisi Kerajaan mengenai Ordinan Kesatuan Se-kerja dan Akta Perhubungan Perusahaan melalui pindaan yang tersebut.
- (b) Ya, risalah mengenai perkara tersebut di atas dicetak dalam empat (4) bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa China, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil.

KEMATIAN MOHD. YAZID BIN KASSIM

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan mengapa pihak polis mengambil lebih kurang masa 10 jam untuk menghubungi saudaramara Allahyarham Mohd Yazid bin Kassim dari Selayang, Kuala Lumpur yang telah cedera parah dalam satu kemalangan pada malam hari 8hb April, 1980 dan dimasukkan ke dalam Hospital Besar, Kuala Lumpur, beliau memerlukan pembedahan segera dan pihak berkenaan memerlukan persetujuan untuk menjalankan pembedahan dari saudaramaranya yang hanya dihubungi lebihkurang 10 jam kemudian yang mana ketika hubung

itu dibuat Mohd. Yazid bin Kassim telahpun meninggal dunia. Oleh kerana satu nyawa telah hilang akibat ketidakcekan yang sesungguhnya itu, apakah tindakan tatatertib yang akan diambil, dan sama ada langkah-langkah akan diambil, untuk memastikan perkara-perkara seumpama itu tidak akan berlaku dalam masa akan datang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Penyiasatan telahpun dijalankan ke atas kes kemalangan yang menimpa Allahyarham Mohd. Yazid bin Kassim pada 8hb April, 1980 yang lalu.

Sebenarnya, isteri Allahyarham dan seorang saudaranya telahpun menerima berita kemalangan itu terlebih dahulu dan, mereka sampai di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada jam 2.00 pagi, 9hb April, 1980, sementara Allahyarham pula meninggal dunia pada jam 3.55 pagi hari yang sama. Ini bermakna, keluarga Allahyarham telah mengetahui berita tersebut 1 jam 55 minit lebih awal sebelum Allahyarham meninggal dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tugas menyampaikan berita berkenaan kemalangan dalam kes ini dijalankan oleh pihak Polis hanyalah atas asas perikemanusiaan dan adalah merupakan satu khidmat sukarela kepada masyarakat. Oleh yang demikian, adalah tidak menasabah untuk menuduh pihak polis sebagai tidak cekap dalam kes ini.

PENUMPANG-PENUMPANG MAS

25. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa penumpang-penumpang MAS yang mempunyai tiket-tiket bertaraf O.K. selalunya mendapati nama mereka tertinggal dari senarai penumpang-penumpang di lapangan terbang; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memajukan perkhidmatan MAS di Sabah terutamanya memandangkan penumpang-penumpang terpaksa menunggu lebih kurang seminggu sebelum penerbangan mereka disahkan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):

- (a) Saya tidak sedar bahawa penumpang-penumpang MAS yang mempunyai tiket-tiket bertaraf O.K. selalunya mendapati nama mereka tertinggal dari senarai penumpang di lapanganterbang. Walau bagaimanapun, kalau ianya berlaku, penumpang-penumpang yang berkenaan dinasihatkan berjumpa dengan Pengurus MAS lapanganterbang berkenaan atau melapur secara langsung kepada Pengurus Besar MAS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAS akan mengadakan komputer untuk memproses penempahan di bandar-bandar seperti Kuching dan Kota Kinabalu pada bulan Julai 1980. Adalah diharapkan dengan penggunaan komputer ini, perkhidmatan penempahan MAS akan bertambah baik.
- (b) Pada umumnya, masalah yang dihadapi oleh MAS di Sabah adalah pertumbuhan trafik yang pesat berbanding dengan kapasiti yang dapat diadakan. Ini adalah ternyata sekali di masa-masa yang lepas terutamanya ketika musim cuti sekolah dan musim perayaan.

Kementerian Pengangkutan dan MAS telah mengambil perhatian berat ke atas masalah ini dan beberapa langkah telahpun diambil untuk menambahkan kapasiti MAS. Sebuah pesawat F27 telahpun digunakan mulai 16hb Mei, 1980 dan satu pesawat lagi dijangka akan memulakan perkhidmatannya pada bulan Ogos 1980. Dengan adanya kedua-dua pesawat ini perkhidmatan udara dalam negeri Sabah telah bertambah kira-kira 30% mulai bulan Mei tahun ini dan seterusnya akan bertambah sebanyak 9.2% pada bulan Ogos tahun ini.

Selain dari itu perkhidmatan baru telah juga diadakan di Kota Kinabalu-Johor Bharu-Kuala Lumpur sebanyak 3 kali seminggu dengan pesawat B737 mulai 11hb April, 1980; sementara perkhidmatan di antara Kota Kinabalu-Kuala Lumpur dengan pesawat Airbus sebanyak 2 kali seminggu telahpun dimulakan pada tarikh yang sama.

Sementara itu saya sukalah menyatakan bahawa perkhidmatan MAS di antara Kota Kinabalu-Labuan se-

banyak 7 kali seminggu itu telah dinaikkan tarafnya dari pesawat F27 kepada pesawat B737. Pada masa ini, kapasiti di antara Kota Kinabalu-Kuala Lumpur adalah dianggap mencukupi.

HARGA SIMEN/BAHAN BINAAN

26. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga simen dan bahan-bahan binaan di Sabah dan Sarawak adalah terlalu mahal, jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengawal dan menurunkan harga bahan-bahan tersebut supaya harganya adalah sama seperti di Semenanjung Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian saya memang sedar bahawa harga simen dan bahan-bahan binaan di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan harga di Semenanjung Malaysia oleh kerana kos pengeluaran dan kos pengangkutan adalah lebih tinggi di Sabah dan Sarawak.

Mengenai simen, faktor utama yang menyebabkan harga barang itu tinggi adalah kerana cuma ada sebuah kilang simen di Sarawak yang mengeluarkan simen untuk kegunaan di Sabah dan Sarawak dan kilang ini tidak mengeluarkan klinker sendiri. Faktor kedua adalah kerana sebahagian daripada permintaan simen adalah dipenuhi melalui pengimpotan dari Semenanjung Malaysia dan dari negara-negara lain seperti Jepun, Taiwan dan Philippines di mana telah dikenakan bayaran cukai sebanyak \$17 satu tan untuk memberi perlindungan kepada syarikat simen tempatan. Walau bagaimanapun, harga simen di Sabah dan Sarawak adalah dikawal di atas paras yang menasabah apabila kos pengeluaran dan pengangkutan dipertimbangkan.

Mengenai harga batang besi keluli, barang itu adalah lebih tinggi di Sabah dan Sarawak kerana semua pembekalan bahan tersebut adalah diimpor dari Semenanjung Malaysia atau negara-negara lain. Harga kawalan di Semenanjung Malaysia merupakan harga "ex-factory" sahaja, tetapi harga di Sabah dan Sarawak perlulah ditambahkan dengan kos perkapalan, insuran dan pengangkutan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menurunkan harga bahan-bahan binaan. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat Cement Sarawak dijadualkan pada tahun 1983 akan meninggikan kemampuan pengeluaran untuk memenuhi permintaan simen di Sabah dan Sarawak dan juga akan mengeluarkan klinker sendiri supaya kos pengeluaran dapat dikurangkan; dan
- (ii) Meluluskan dua projek batang besi keluli baru di Sabah dan Sarawak pada awal tahun 1975 iaitu Syarikat Sabah Iron & Steel Mill Sdn. Bhd. dan Steel Industry Sarawak Sdn. Bhd. Kedua-dua projek baru tersebut dijangkakan mempunyai keupayaan sebanyak 40,000 tan setahun bagi tiap-tiap buah syarikat.

Harga bahan-bahan binaan yang lain seperti batu-bata adalah tidak dikawal oleh Kerajaan Persekutuan.

TENTERA VIETNAM DI PULAU AMBOYNA

27. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil berkenaan dengan komen Menteri Luar Vietnam berkenaan dengan Pulau Amboyna dan berkenaan dengan pengkalan tentera asing di negara kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil kesempatan memberitahu Perdana Menteri Vietnam semasa lawatan resmi beliau ke Malaysia pada bulan Oktober 1978 mengenai kehadiran tentera Vietnam di Pulau Kecil Amboyna itu. Encik Pham Van Dong berjanji mengkaji perkara ini dan bersetuju perkara seperti ini diselesaikan secara perundingan dan damai.

Ahli Yang Berhormat juga mungkin telah maklum bahawa pada 21hb Disember, 1979 negara kita telah mengisytiharkan penerbitan Peta Baru yang menggariskan sempadan perairan serta pelantar benua Malaysia di mana Pulau Kecil Amboyna juga termasuk di dalamnya. Dalam hal ini, saya suka memaklumkan bahawa Encik Nguyen Co Thach, Menteri Luar Negeri Vietnam, telah diberitahu sekali lagi semasa beliau melawat

Malaysia pada 8hb-11hb Mei, 1980 bahawa Malaysia menolak dakwaan Vietnam yang mengatakan Pulau Kecil Amboyna adalah sebahagian daripada Kepulauan Spartley yang dituntut oleh Vietnam. Saya juga telah menekankan bahawa Malaysia mengambil perhatian yang serius terhadap penempatan askar-askar Vietnam di Pulau Kecil Amboyna itu, dan seterusnya membantah dengan sekeras-kerasnya tindakan Vietnam itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia menyelesaikan masalah ini melalui rundingan, secara damai dengan pihak Vietnam. Sukacita saya memaklumkan bahawa Vietnam juga bersedia berbuat demikian.

PENGISYTIHARAN ZON EKONOMI

28. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada rundingan-rundingan telah diadakan dengan Anggota-anggota ASEAN dan persetujuan diperolehi sebelum pengisytiharan 200 batu Ekonomi Zon diumumkan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Soalan ini serupa dengan soalan oleh Yang Berhormat dari Kemaman dan saya tidak berniat untuk membuat apa-apa tambahan lagi.

PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI LUAR EEC DI LUXEMBOURG

29. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu keputusan untuk mengenakan beberapa sekatan-sekatan ekonomi dan politik ke atas Iran telah dibuat di Persidangan Menteri-menteri Luar EEC yang diadakan di Luxembourg baru-baru ini, dan jika ya, sama ada Malaysia akan mengambil tindakan yang serupa terhadap Iran; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ya, saya sedar akan keputusan negara-negara EEC yang telah diambil di Luxembourg baru-baru ini. Walau bagaimanapun, Malaysia percaya isu tersebut mestilah diselesaikan dengan secara damai. Segala tindakan lain seperti ketenteraan atau sekatan ekonomi hanya akan memburukkan lagi masalah itu. Pendirian Malaysia adalah selaras dengan keputusan yang telah diambil oleh Persida-

ngan Negara-negara Islam yang ke 11 di Islamabad baru-baru ini yang menyeru kepada Iran dan Amerika Syarikat supaya berusaha ke arah mencapai satu penyelesaian secara damai terhadap isu penahanan orang-orang tebusan tersebut.

PARTI POLITIK MENGGUNAKAN NAMA AGAMA—MENGHARAMKAN

30. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengharamkan penggunaan nama agama kepada parti-parti politik memandangkan banyak penyalahgunaan nama agama, salah tafsiran dan akidah yang berlaku di kalangan rakyat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebagaimana yang pernah saya nyatakan di Dewan ini dan di Dewan Negara sedikit masa dahulu bahawa soal penyalahgunaan nama agama, salah tafsiran dan akidah yang berlaku di kalangan rakyat adalah berpunca dari pemimpin-pemimpin dan kalangan tertentu parti-parti politik berkenaan. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan penggunaan nama agama kepada parti-parti politik tetapi jika Kerajaan berpendapat keadaan benar-benar memerlukan maka perkara ini akan dipertimbangkan.

DASAR PENGANGKUTAN NEGARA

31. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kemajuan spesifik yang dibuat oleh Kementeriannya selama ini dalam merumus satu Dasar Pengangkutan Negara dengan bantuan rundingan dari pakar-pakar dan orang awam dan apakah tindakan yang telah diambil setakat ini dalam melaksanakan kajian-kajian pengangkutan bandar untuk semua bandar-bandar utama di negara kita, terutamanya Kuala Lumpur sebagai ibu negara.

Dato' Lee San Choon: Kementerian Pengangkutan telah mengadakan beberapa mesyuarat di antara pegawai-pegawainya dan dengan pegawai-pegawai daripada Jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerian serta perbincangan dengan beberapa individu dari pihak swasta yang ada berkaitan dengan perusahaan pengangkutan. Penggu-

balan satu dasar pengangkutan negara adalah satu perkara yang rumit dan akan memakan masa. Perkara ini masih lagi di dalam pertimbangan di Kementerian saya.

Berkenaan dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, satu kajian pengangkutan yang dinamakan "Urban Transport Policy and Planning Study for Metropolitan Kuala Lumpur" telah dijalankan. Begitu juga satu kajian yang dinamakan "Urban Transport Study in Greater Metropolitan Areas of Georgetown, Butterworth and Bukit Mertajam" telah dimulakan dan dijangka siap pada penghujung tahun 1981.

ORDINAN KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA

32. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja untuk membolehkan orang-orang yang ingin meninggalkan Malaysia untuk menetap di Singapura dan tidak berniat kembali mengeluarkan caruman-caruman dengan Kerajaan Singapura dengan tujuan memintanya membenarkan rakyat kita yang ingin kembali ke Malaysia mengeluarkan caruman-caruman mereka.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Ordinan KWSP yang ada sekarang menetapkan bahawa caruman pekerja-pekerja cuma boleh dikeluarkan jika dapat memenuhi salah satu syarat-syarat di bawah:

- (1) pencarum berkenaan meninggal dunia;
- (2) pencarum itu telah mencapai had umur 55 tahun;
- (3) pencarum itu tidak mempunyai keupayaan fizikal dan mental untuk meneruskan pekerjaan; dan
- (4) pencarum itu akan meninggalkan Malaysia untuk selama-lamanya tetapi tidak menetap di Singapura.

Buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk meminda syarat-syarat bagi mengeluarkan caruman KWSP seperti yang saya sebutkan di atas kerana Kerajaan berpendapat syarat-syarat tersebut adalah wajar. Pencarum-pencarum yang ingin menetap di

Singapura tidak perlu bimbang kerana wang caruman mereka boleh dikeluarkan sebaik sahaja mereka mencapai umur 55 tahun.

Berhubung dengan pertanyaan kedua Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan merasakan perundingan ini tidak perlu oleh sebab wang simpanan mereka yang berkenaan akan boleh dikeluarkan dari negeri yang berkenaan apabila syarat pengeluaran seperti yang ditetapkan oleh undang-undang Kerajaan tersebut dipenuhi.

HARGA GETAH

33. Tuan Sibut Miyut Anak Tagong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan kepada kenaikan harga minyak di Sarawak baru-baru ini sama ada Kerajaan akan menimbang menaikkan juga harga getah dan lada hitam iaitu hasil utama negeri Sarawak.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Dalam soal harga getah Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menaik atau menurunkan harga getah, kerana harga getah adalah dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan getah di pasaran dunia.

Dengan cara tidak langsung, harga minyak yang tinggi mempunyai kesan ke atas harga getah dengan menaikkan kos bahan minyak yang digunakan untuk membuat getah tiruan. Oleh itu, harga getah asli telah dapat dikekalkan di paras yang tinggi sungguhpun terdapat keadaan ekonomi yang meleset di beberapa buah negara perusahaan yang utama. Dengan terlaksananya Perjanjian Getah Asli Antarabangsa sedikit masa lagi maka ia juga akan dapat mengelakkan penurunan harga ke paras yang tidak ekonomik sungguhpun di dalam keadaan pasaran yang sangat teruk.

Bagi lada hitam pula, saya ingin menyatakan bahawa harga lada hitam yang ditawarkan di pasaran tempatan bukanlah bergantung kepada penetapan harga yang dibuat oleh Kerajaan. Penentuan harga lada hitam adalah ditentukan oleh harga yang ditawarkan oleh pihak pengeluar dan pembeli

lada hitam itu sendiri. Harga pasaran ini pula adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor lain seperti berikut:

- (a) pengeluaran dan permintaan lada hitam.
- (b) harga yang ditawarkan di pasaran antarabangsa terutamanya Singapura.
- (c) jangkaan mengenai kedudukan pasaran eksport di kalangan perdagangan.
- (d) ikatan perdagangan dan kredit antara pengeksport dan pembekal-pembekal lada hitam.
- (e) kedudukan pertukaran wang asing.

Oleh sebab Kerajaan mengamalkan pasaran bebas yang bergantung kepada pengeluaran dan permintaan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pasaran antarabangsa maka Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan harga lada hitam pengeluaran negara kita.

GRED SEKOLAH/KENAIKAN PANGKAT GURU BESAR

34. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran adakah Kementerian beliau sedar bahawa proses menggredkan sekolah-sekolah dan kenaikan pangkat Guru Besar telah menimbulkan satu keganjilan kerana terdapat Penyelia/Penolong Penyelia dalam Tingkatan Khas tidak dapat peluang kenaikan pangkat ke Tingkatan Tertinggi C2. Manakala Guru Besar di bawah Tingkatan C2 di bawah penyeliaan mereka telah dinaikkan pangkat ke Tingkatan Tertinggi. Ini telah menimbulkan perasaan serba salah di kalangan Penyelia-penyelia dalam menjalankan tugas mereka.

Dato' Musa bin Hitam: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada kaitan dengan urusan menggredkan semula sekolah-sekolah yang dilaksanakan pada 1-1-80. Sebenarnya kenaikan pangkat Penyelia/Penolong Penyelia adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri. Manakala kenaikan pangkat Guru Besar adalah ekoran daripada penggredan semula sekolah-sekolah pada 1-1-80 yang melibatkan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori C2 yang bertugas di sekolah-sekolah berkenaan. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, Penyelia/ Penolong Penyelia berpeluang untuk dinaikkan pangkat ke taraf yang lebih tinggi apabila terdapat kekosongan jawatan-jawatan tersebut di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri atau di lain-lain bahagian.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN DI PERAK

35. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar Kerajaan lebih mengutamakan lebuhraya Utara-Selatan di dalam Negeri Perak daripada membuat beberapa banyak jalanraya luar bandar untuk rakyat Negeri Perak yang mempunyai penduduk lebih kurang dua juta orang pada masa ini. Jika sedar, adakah beliau bercadang di samping membuat Lebuhraya akan memberi keutamaan juga bagi membuat jalan-jalan raya untuk penduduk luar bandar.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sukacita diberitahu bahawa di samping membina lebuhraya Utara-Selatan, Kementerian saya juga menitikberatkan pembinaan jalan-jalan luar bandar di Perak selaras dengan perannya sebagai agensi pembangunan. Sehubungan dengan perkara ini, sebanyak \$27 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan sepanjang 171 batu jalan-jalan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Sejumlah 126.3 batu jalan batu kelikir (laterite road) dan 30 buah jambatan akan dibina dan sepanjang 44.7 batu jalan tanah akan dinaikkan tarafnya ke jalan bertar (metalled surface).

Sepuluh buah kontrek kecil untuk pembinaan jalan dan jambatan sedang dijalankan oleh pemborong-pemborong tempatan dan satu kontrek besar yang berharga \$18.7 juta untuk pembinaan 55.4 batu jalan dan 20 buah jambatan telah dikeluarkan dan kerja "mobilisation" sedang dijalankan.

Kerja bagi menaikkan taraf 43 batu jalan diseluruh negeri sedang dijalankan melalui satu kontrek besar yang berharga \$6.2 juta.

Hingga ke hari ini 30 batu jalan telah siap dan 4.5 batu jalan tanah ditar.

MINYAK PETROL BERCAMPUR MINYAK TANAH—JUALAN

36. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa minyak petrol yang bercampur dengan minyak tanah dijual di kebanyakan stesyen-stesyen mengakibatkan kecemasan udara dan merosakkan enjin-enjin jentera;
- (b) adakah Kerajaan bertindak mengambil sample-sample minyak dari stesyen-stesyen minyak petrol untuk diuji ketulinannya; jika tidak, mengapa; dan
- (c) jika ada, beberapa ramaikah orang terlibat dalam kes-kes ini ditangkap dan didenda.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Kerajaan sedar ada stesyen minyak yang menjual minyak petrol yang bercampur dengan minyak tanah. Perkara ini berlaku di beberapa stesyen minyak sahaja dan tidak di kebanyakan stesyen-stesyen minyak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat berkenaan.
- (b) Pegawai-pegawai Penguatkuasa, Kementerian saya, memang telah, sedang dan akan terus mengambil contoh-contoh minyak petrol dan disel di stesyen-stesyen minyak untuk menentukan ketulinan minyak itu. Bagaimanapun, kebanyakan daripada contoh-contoh minyak petrol dan disel yang telah di analisa oleh Jabatan Kimia didapati tulun dan tidak ada sebarang kesan campuran dengan minyak-minyak lain.
- (c) Daripada contoh-contoh yang telah diambil sehingga ini 12 kes percampuran minyak petrol dan disel telah dikesan. 3 kes telah dibicarakan di Mahkamah dan orang-orang berkenaan didenda sebanyak \$4,500, 9 kes lagi adalah dalam proses untuk dibicarakan.

RANCANGAN ANAK ANGKAT

37. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan-kesan yang diperolehi daripada Rancangan Anak Angkat Rukun Tetangga.

Dato' Hussein Onn: Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara banyak menerima surat-surat penghargaan daripada para peserta dan ibubapa yang telah mengikuti Rancangan Anak Angkat anjuran jabatan tersebut. Kebanyakannya menyatakan bahawa mereka telah benar-benar mendapat faedah hasil daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam Rancangan Anak Angkat itu.

RUKUN TETANGGA—TUGAS

38. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sejak pelaksanaan Rancangan Rukun Tetangga beberapa jam masa pekerjaan (man hours of work) telah hilang dan jika ditukarkan kepada wang berapa telah kerugian; sama ada jika beliau sedar bahawa Rancangan Rukun Tetangga tidak berjalan dengan lancar dan adalah lebih baik dihapuskan rancangan ini dan bilangan pegawai-pegawai polis ditambah untuk menggantikan sekim Rukun Tetangga.

Dato' Hussein Onn: Setiap pemastautin yang berkelayakan (Qualified Resident) dalam satu-satu sektor hanya diperlu menjalankan tugas Rukun Tetangga selama tidak lebih dari 8 jam sebulan mengikut Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975.

Masa bertugas ini adalah dengan tujuan menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara dan oleh yang demikian tidak boleh dianggap sebagai kehilangan masa pekerjaan. Tambahan lagi masa bertugas ini tidak boleh dinilai secara ringgit dan sen.

Kerajaan tidak akan menghapuskan sekim ini bahkan sebaliknya tindakan-tindakan yang perlu sedang diambil untuk mengukuhkan lagi sekim ini supaya ianya berjalan dengan lebih berkesan. Pada masa sekarang terdapat 726 sektor di Semenanjung Malaysia. Ini dengan sendiriannya membuktikan betapa pesatnya sekim Rukun Tetangga telah berkembang semenjak ianya mula dilancarkan pada tahun 1975.

JERAMI DAN SEKAM PADI— KEGUNAAN

39. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih padi seperti jerami dan sekam dimusnahkan dan jika ya, sama ada Kementerian akan mencari jalan supaya benda-benda ini dapat digunakan.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Saya sedar mengenai lebih jerami dan sekam padi hanya dimusnahkan sahaja, dari itu pihak MARDI sedang menjalankan kajian untuk menggunakan sekam sebagai bahan pembakar bagi ban-ban pengawitan tembakau.

Bagi jerami, MARDI telah menjalankan penyelidikan untuk digunakan sebagai campuran dalam makanan ternakan. Adalah didapati bahawa dengan dicampur urea serta sisa tebu jerami boleh diberi makan kepada ternakan sehingga 30% daripada jumlah makanannya. Pada masa ini MARDI sedang menilai ataupun "screening" jerami-jerami diperolehi dari berbagai jenis padi, untuk kesesuaian makanan, memperbaiki mutu makanan (nutritive value) dan sedang menjalankan penyelidikan ke atas kegunaan di peringkat ladang di negeri Kedah. Penyelidikan dari segi ekonomi juga sedang dikaji.

UCAPAN DR MOHD. NOR GHANI DI KONVENSYEN UMNO MELAKA

40. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Dr Mohd. Nor bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, telah berucap bagi pihak Kerajaan ataupun bagi pihak dirinya sendiri apabila berucap di Konvensyen UMNO Negeri Melaka 1980 pada 26hb April, 1980 di mana beliau telah berkata "jika matlamat Dasar Ekonomi Baru gagal untuk dicapai menjelang tahun 1990, ia akan meletakkan bangsa Melayu begitu rendah di dalam dunia yang dikuasai oleh kebendaan pada hari ini, sehingga kita tidak ada jalan lain melainkan untuk mengeneipkan prinsip demokrasi bagi memulihkan tempat yang sah di negara sendiri", dan sama ada ugutan Dr Mohd. Nor itu yang mengipas perkauman dan chauvinism yang buruk sekali merupakan pandangan resmi Kerajaan, dan jika tidak, apakah tindakan Kerajaan bercadang mengambil terhadap Dr Mohd. Nor.

Dato' Hussein Onn: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu pertama sekali saya tegaskan di sini iaitu ucapan oleh Dr Mohd. Nor bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah, Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri itu terdapat dalam satu kertaskerja yang dibentangkan olehnya dalam Konvensyen UMNO di Melaka pada 26hb April, 1980. Beliau telah diminta untuk mengemukakan kertaskerja itu atas dasar peribadinya sendiri. Bahagian ucapan yang dipetik oleh Ahli Yang Berhormat itu, jelas sekali tidak dipetik dan ditafsirkan dengan penuh. Oleh yang demikian, ianya akan membawa kekeliruan yang paling buruk dan merbahaya.

Saya bacakan semula bahagian ucapan tersebut yang berbunyi begini:

"Demikianlah serba sedikit tentang apa yang akan terjadi jika matlamat DEB gagal untuk dicapai menjelang tahun 1990. Ia akan meletakkan bangsa Melayu begitu rendah di dalam dunia yang dikuasai oleh kebendaan pada hari ini, sehingga kita tidak ada jalan lain melainkan untuk mengeneipkan prinsip demokrasi bagi memulihkan tempat yang sah di negara sendiri. Ini boleh membawa kekecuhan dan porakporanda yang tidak diingini di negara kita".

Ayat akhir dari bahagian yang baru saya bacakan tadi langsung tidak disebut oleh Ahli Yang Berhormat, padahal ia merupakan amaran yang paling penting dalam ucapan itu. Ia memberi makna bahawa pengeneipkan prinsip demokrasi akan membawa kekecuhan dan porakporanda di dalam negeri kita. Ini tidaklah diingini dan oleh itu kita tidak boleh mengeneipkan prinsip demokrasi kerana akibatnya sangat buruk.

Kalau bahagian ucapan itu difahami betul-betul, terang sekali bahawa Dr Mohd. Nor bin Abdul Ghani itu telah memberikan satu amaran kepada masyarakat, bahawa mengeneipkan prinsip demokrasi akan membawa kekecuhan dan porakporanda yang tidak diingini. Kesedaran itu sangat penting bagi semua warganegara tanah air kita.

Saya tidak setuju bahawa ucapan ini merupakan ucapan perkauman. Malah sebenarnya ia memberi peringatan yang penting

kepada mereka yang tidak sedar dan cuba mengeneipi atau menyalahgunakan prinsip-prinsip demokrasi. Dengan meninggalkan amaran tentang akibat mengeneipkan prinsip demokrasi itu Ahli Yang Berhormat telah menyalah tafsirkan sama sekali maksud ucapan Dr Mohd. Nor bin Abdul Ghani itu.

Apa yang telah disuarakan oleh Dr Mohd. Nor bin Abdul Ghani itu adalah pendapatnya sendiri secara peribadi dan ianya merupakan ramalan semata-mata.

CHAN KOK KIT/CHIAN HENG KAI— PEMBEBASAN

41. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar dengan menahan Ahli Parlimen Kawasan Sungei Besi, Encik Chan Kok Kit dan Ahli Parlimen Kawasan Batu Gajah, Encik Chian Heng Kai, yang mana tahanan tersebut adalah tidak perlu, pengundi-pengundi mereka telah dinafikan hak mereka untuk diwakili secara berkesan di dalam Dewan Rakyat. Bilakah Kerajaan bercadang membebaskan kedua-dua Ahli Parlimen itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kedua-dua orang tersebut adalah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kerana didapati terlibat di dalam kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara. Kedua-dua mereka dan Parti mereka sedar tentang sekatan yang dikenakan oleh Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Oleh itu parti mereka dan mereka mengetahui dengan sekatan tersebut mereka tidak akan dapat memberikan khidmat kepada pengundi-pengundi tetapi mereka masih memilih untuk menjadi calon. Dengan itu parti mereka dan mereka sendirilah yang telah tidak mengirakan kepentingan pengundi-pengundi mereka.

Pembebasan orang-orang tahanan dibuat setelah Kerajaan menimbangkan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan dalam Akta tersebut, serta Kerajaan berpuas hati bahawa pembebasan mereka tidak akan membahayakan keselamatan negara. Sehingga kini mengenai dua orang tersebut Kerajaan belum lagi berpuas hati yang mereka itu tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

JABATAN IMIGERESEN— PEMINDAHAN KE BANGUNAN BARU

42. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tarikh pemindahan Jabatan Imigeresen ke bangunan barunya; dan
- (b) rancangan-rancangan untuk membuat pejabat Imigeresen sekarang lebih sempurna bagi kakitangan dan orang-orang awam.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Bangunan pejabat baru Jabatan Imigeresen dijangka siap pembinaannya pada tahun 1983 nanti. Kerja-kerja asas sedang giat dilaksanakan dan upacara perletakan batu asasnya akan diadakan dalam bulan Julai ini.
- (b) Sebagai langkah sementara beberapa bahagian Jabatan Imigeresen telah dipindahkan ke tempat-tempat lain bagi mengurangkan kesesakan di ibu pejabat dan memberi keselesaan kepada orang ramai. Bahagian Paspot Malaysia Terhad telah dipindahkan ke Wisma Pahlawan sejak 1-12-1979. Ruang yang dikosongkan ini telah diambil oleh Bahagian Paspot Malaysia Antarabangsa yang kini mempunyai 10 kaunter berbanding dengan 2 dahulunya.

Sementara itu, 3 buah bahagian lagi iaitu Bahagian Latihan, Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Urusetia Perganegaraan akan dipindahkan ke tempat-tempat lain sebelum bulan Ogos ini. Adalah diharap dengan pemindahan ini ruangan untuk kakitangan akan menjadi lebih memuaskan dan ruangan untuk orang ramai akan lebih sempurna lagi.

PAWAGAM DIMILIKKI OLEH BUMIPUTRA

43. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kerajaan akan menambahkan lagi bidang penyertaan UDA dengan syarikat swasta/Bumiputra untuk memperbanyakkan lagi pawagam-pawagam, sama ada besar atau kecil (theatre/mini theatres)

di pekan-pekan yang baru didirikan atau di mana sahaja ada shopping complex, ianya hendaklah diuruskan bersama antara UDA dengan swasta supaya dapat memperbanyakkan lagi penyertaan, ekuiti bumiputra dalam bidang ini agar ianya tidak dimonopoli oleh Shaw Brothers dan Cathay Organisation sahaja dan jika tidak, mengapa?

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): UDA akan mendirikan pawagam-pawagam dengan cara usahasama atau bersendirian sekiranya didapati ianya perlu di dalam konteks pembangunan bandar. Kerajaan buat masa ini bukan sahaja menitik beratkan pembangunan dan pemilikan pawagam-pawagam tetapi juga penyertaan bumiputra dalam perusahaan perfileman. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah pun melalui Permodalan Nasional Berhad menyertai 30.5% ekuiti di dalam Cathay Organization.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA—TEMPAT PERSEKOLAHAN

44. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil atau akan diambil untuk memastikan bahawa tempat-tempat adalah benar-benar cukup untuk kanak-kanak yang ibubapa mereka ingin menghantar ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China.

Dato' Musa bin Hitam: Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk mengadakan kemudahan tempat persekolahan yang cukup bagi setiap murid di semua jenis sekolah rendah di negara ini. Di dalam melaksanakan dasar ini sekiranya seseorang murid tidak dapat ditempatkan di sekolah yang menjadi pilihan ibubapanya oleh kerana tidak ada kekosongan tempat, maka murid berkenaan adalah diberi peluang yang sama juga, tetapi di sekolah ditempat lain yang ada kekosongan tempat.

ASKAR VIETNAM DI PULAU AMBOYNA—BANTAHAN

45. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada semasa lawatan Menteri Luar Laut Vietnam ke

Malaysia baru-baru ini, Malaysia telah menyatakan bantahannya kepada beliau berhubung dengan penempatan askar-askar Vietnam di Pulau Amboyna, yakni lebih kurang 100 batu ke utara Sabah, dan nyatakan adakah Vietnam telah dengan resminya membantah terhadap Malaysia mengenai pelantar baru benua yang dikeluarkan oleh Malaysia.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Malaysia memandang berat dan telah membuat bantahan yang keras kepada Vietnam terhadap penempatan askar-askar Vietnam di Pulau Kecil Amboyna semasa lawatan Menteri Luar Vietnam ke Malaysia pada pertengahan bulan Mei lalu. Dalam perkara ini, Kerajaan telah menerima bantahan secara resmi daripada Vietnam berkaitan dengan penerbitan Peta Baru Malaysia mengenai pelantar benua kita. Kedua-dua pihak telah bersetuju supaya perkara ini diselesaikan secara perundingan dan damai, di peringkat pegawai.

"HARI INI DALAM SEJARAH"— MEMBUKUKAN

46. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau bercadang membukukan siri "Hari Ini Dalam Sejarah" yang disiarkan oleh RTM untuk kegunaan generasi-generasi akan datang.

Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (**Dato' Dr Neo Yee Pan**): Arkib Negara bercadang hendak membukukan siri "Hari Ini Dalam Sejarah" yang disiarkan oleh RTM untuk disebarikan kepada orang ramai.

PELARIAN KAMPUCHEA DI THAILAND—BANTUAN MAKANAN

47. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandang bawha terdapat 150,000 orang pelarian Kampuchea di Negeri Thai sekarang yang boleh memuncakkan kebuluran dan kematian akibat kekurangan makanan sama ada terdapat jaminan berkaitan dengan permintaan oleh wakil negara ASEAN ke Bangsa-Bangsa Bersatu menguruskan bagi mendapatkan bantuan makanan atas perikemanusiaan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia dan Negara-negara ASEAN yang lain telah mengambil inisiatif dengan mengemukakan suatu draf resolusi yang kemudiannya telah diterima oleh Majlis Ekonomi dan Sosial Bangsa-bangsa Bersatu (ECOSOC) pada 1hb Mei lalu. Sebagai keputusan dan perkembangan dari resolusi tersebut, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengadakan Mesyuarat Antarabangsa untuk Bantuan Perikemanusiaan dan Pemulihan kepada Rakyat Kampuchea yang telah berlangsung di Geneva pada 26hb dan 27hb Mei yang lalu.

Mesyuarat tersebut telah berusaha untuk meningkatkan lagi bantuan makanan dan perubatan ke Kampuchea dan memperbaiki cara-cara pembahagian bantuan kepada rakyat Kampuchea yang memerlukan bantuan segera itu. Mesyuarat itu telah berjaya menghasilkan perakuan-perakuan tambahan dari Negara-negara penderma sebanyak US\$116.24 juta untuk tujuan bantuan perikemanusiaan dan pemulihan rakyat Kampuchea, Negara kita sendiri telah membuat perakuan menyumbang sebanyak US\$100,000 untuk tujuan ini. Dengan ini, inisiatif negara-negara ASEAN ini bolehlah dianggap sangat berjaya dalam usaha meningkatkan lagi bantuan perikemanusiaan dan pemulihan rakyat Kampuchea untuk menghindarkan kebuluran dan meringankan bebanan rakyat Kampuchea yang menderita.

PERSIDANGAN UNDANG-UNDANG LAUT DI NEW YORK

48. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah keputusan-keputusan positif yang telah dicapai oleh Malaysia dalam Sidang Undang-undang Laut di New York baru-baru ini berhubung dengan penggunaan Selat Melaka, dan apakah masalah-masalah yang masih belum diselesaikan dan apakah bentuk tindakan yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah-masalah yang belum selesai itu.

Menteri Undang-undang (**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah**): Di bawah draf teks Persidangan, sistem mentadbirkan lalulintas melalui Selat yang digunakan untuk pelayaran antarabangsa adalah berupa transit bebas.

Terdapat persetujuan ramai di Persidangan itu untuk menerima sistem pentadbiran baru ini bagi Selat-selat.

Malaysia telah berusaha untuk mengubah-suaikan sistem baru ini mengenai pemakaiannya bagi Selat Melaka kerana masalah-masalah pelayaran dan geografi tertentu yang terdapat dalam kawasan itu.

Di samping usaha yang telah dijalankan, kita telah berjaya dalam mendapatkan suatu peruntukan yang memberi kita kuasa-kuasa penguatkuasaan berhubung dengan vesel-vesel yang menyebabkan atau mengancam kerosakan yang besar terhadap kehidupan alam sekitar laut di Selat itu.

Kita juga telah membuat perkembangan selanjutnya untuk menerangkan dengan lebih jelas lagi mengenai kuasa-kuasa penguatkuasaan di Selat itu dan sehingga Persidangan yang terakhir di New York, kita telah hampir memuktamadkan usaha-usaha kita ke arah itu.

Di antara sesyen terakhir yang diadakan di New York dan sesyen mengenai Persidangan itu yang akan disambung semula yang akan diadakan di Geneva, Malaysia masih terus mengadakan beberapa siri pembincangan dengan negara-negara yang berkenaan.

CUKAI IMPOT MINYAK MENTAH

49. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa berapakah persen cukai impot dan lain-lain cukai telah dikenakan ke atas pengimpotan minyak mentah ke Malaysia, adakah Kerajaan akan mempertimbang untuk menurunkan kadar cukai impot ini supaya pengguna Malaysia dapat menikmati minyak yang berharga murah.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kerajaan tidak mengenakan apa jua cukai impot dan lain-lain cukai ke atas pengimpotan minyak mentah ke Malaysia.

DUTI EKSPOT KE ATAS GETAH

50. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar duti eksport yang dikenakan ke atas getah adalah berasaskan kepada harga getah RSS 1 dan

amalan ini adalah sungguh tidak adil terutama sekali kepada pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan lebih dari 50 peratus dari jumlah keluaran getah negara kerana mutu getah yang dikeluarkan oleh mereka adalah terlalu rendah seperti RSS 3, 4 atau 5 di mana harganya adalah lebih rendah dari harga getah RSS 1; sama ada Kerajaan bercadang mengenakan duti eksport yang lebih adil dengan mencampurkan harga getah RSS 1, 2, 3, 4, 5 dan SMR dan mendapatkan daripadanya kadar duti purata yang lebih adil.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan mengenakan cukai getah berasaskan harga purata semua gred getah dan tidak hanya harga getah RSS 1 telah pun dikaji. Adalah didapati bahawa cadangan tersebut bukan sahaja sukar dilaksanakan tetapi juga akan melibatkan kehilangan hasil yang agak besar kepada Kerajaan. Penggunaan harga getah gred satu ini sebagai asas duti mungkin juga dapat mendorong pekebun-pekebun kecil terus berusaha meninggikan mutu getah pengeluaran mereka. Kerajaan sendiri telah mengadakan rancangan bagi membantu pekebun-pekebun kecil dalam usaha memperbaiki mutu getah mereka.

Di samping itu kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk mengurangkan beban cukai atas pekebun kecil. Sebagai Ahli Yang Berhormat maklum, duti eksport atas getah telah pun dikurangkan semasa Belanjawan 1980 yang lalu dan ini diharapkan dapat memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha-pengusaha getah terutamanya pekebun-pekebun kecil.

MURID-MURID SEKOLAH CINA DI BUKIT MERTAJAM

51. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan apa akan terjadi kepada kanak-kanak yang dilahirkan pada tahun 1975 dan yang tidak dapat berdaftar di Sekolah-sekolah Rendah J.K. (China) Jit Sin dan Kim Sen di Bukit Mertajam kerana tempat-tempat di kedua-dua sekolah ini telah dipenuhkan.

Dato' Musa bin Hitam: Kanak-kanak yang dilahirkan pada tahun 1975 akan mula bersekolah pada tahun 1982. Butir-butir yang

diperolehi mengenai murid-murid yang telah mendaftar di Sekolah-sekolah Rendah J.K. (China) Jit Sin dan Kim Sen di Bukit Mertajam adalah seperti berikut:

(1) *S.R.J.K. (C) Jit Sin (A)*

Sekolah ini mempunyai Darjah I sebanyak 6 kelas yang boleh menampung seramai 300 orang murid. Murid yang telah mendaftar di sekolah ini sehingga sekarang ialah 257 orang. Sekolah ini masih ada tempat untuk 43 orang murid lagi.

(2) *S.R.J.K. (C) Jit Sin (B)*

Di sekolah ini juga akan mempunyai Darjah I sebanyak 6 kelas yang boleh menampung seramai 300 orang murid. Jumlah murid yang telah mendaftar di sekolah ini sehingga sekarang ialah seramai 324 orang. Oleh itu seramai 24 orang murid dari *S.R.J.K. (C) Jit Sin (B)* akan diarahkan ke sekolah *S.R.J.K. (C) Jit Sin (A)* yang masih mempunyai tempat kosong.

(3) *S.R.J.K. (C) Kim Sen*

Sekolah tersebut akan mempunyai 8 kelas Darjah I yang boleh menampung 400 orang murid-murid. Yang telah berdaftar untuk masuk ke Darjah I setakat ini ialah 423 orang murid. Ini bermakna 23 orang murid terpaksa ditempatkan di sekolah-sekolah lain yang berdekatan. Sekolah-sekolah yang berdekatan dengan *S.R.J.K. (C) Kim Sen* ialah:

- (i) *S.R.J.K. (C) Kg. Berapit*
- (ii) *S.R.J.K. (C) Sin Ya, Kg. Alma*
- (iii) *S.R.J.K. (C) Keow Kuang, Bukit Kecil.*

Sekolah-sekolah tersebut di atas adalah lebih kurang 1 hingga 2 batu jauhnya dari *S.R.J.K. (C) Kim Sen*. Oleh itu murid-murid yang tidak dapat ditempatkan di sekolah *S.R.J.K. (C) Kim Sen* akan ditempatkan ke salah sebuah sekolah tersebut di atas yang berhampiran dengan rumah mereka.

HARGA BARANG-BARANG PETROLEUM

52. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan peratus harga minyak dinaikkan harganya

sejak tahun 1973 hingga tahun 1980 ini dan berapa banyakkah Kerajaan telah mensubsidikannya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kalau dibandingkan harga segelen barang-barang petroleum pada tahun 1973 dengan harga pada 25hb April, 1978, peratus kenaikan harga adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia (Ex-K.L.)

	Harga Pada 22-12-1973	Harga Pada 25-4-1980	Peratus Kenaikan
(Ringgit Segelen)			
Premium Petrol ...	2.59	4.04	55.9
Regular Petrol ...	2.32	3.82	64.6
Minyak Tanah71	1.60	125.3
Minyak Disel92	1.62	76.1
*Gas Pemasak (LB)27	.51	88.8
<i>Sabah (Ex-Kota Kinabalu)</i>			
Premium Petrol ...	2.58	4.04	56.5
Regular Petrol ...	2.26	3.82	69.0
Minyak Tanah73	1.60	119.1
Minyak Disel94	1.62	72.3
*Gas Pemasak (LB)44	.51	15.9
<i>Sarawak (Ex-Kuching)</i>			
Premium Petrol ...	2.53	4.04	59.6
Regular Petrol ...	2.21	3.82	72.8
Minyak Tanah71	1.60	125.3
Minyak Disel91	1.62	78.0
*Gas Pemasak (LB)35	.51	45.7

* Ringgit Bagi Satu Pound

Kerajaan telah membayar subsidi ke atas minyak disel dan minyak tanah mulai tahun 1976. Jumlah subsidi bagi tempoh 1976 hingga 1979 ialah \$205 juta seperti berikut:

Tahun	Jumlah (\$ Juta)
1976	17
1977	25
1978	38
1979	125

Bagi tahun ini anggaran kos subsidi yang akan ditanggung oleh Kerajaan ialah \$638 juta seperti berikut:

	(\$ Juta)
Subsidi barang petroleum ke- luaran tempatan	348

	(\$ Juta)
Subsidi tambahan bagi barang petroleum yang diproses oleh Shell Lutong	20
Subsidi barang petroleum yang diimpot	270

Dengan itu, jumlah subsidi yang akan ditanggung oleh Kerajaan dari tahun 1976 hingga ke tahun ini dianggarkan sebanyak \$843 juta.

OPERASI ISI PENUH

53. Tuan P. Patta minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) jumlah bilangan kekosongan yang telah diisikan di bawah Operasi Isi Penuh, dengan memberi angka-angka pecahan bagi setiap kategori kekosongan di bawah Kementerian belia;
- (b) angka-angka dan peratus pecahan setiap kaum di kalangan mereka yang diambil untuk mengisi kekosongan-kekosongan tersebut; dan
- (c) jumlah bilangan kekosongan di bawah Kementerian belia yang belum lagi diisi setakat ini, dengan memberi angka-angka pecahan bagi setiap kategori kekosongan itu.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Jumlah bilangan jawatan kosong ialah 1,797 jawatan iaitu jawatan dalam Kategori "C" 1,505 jawatan dan bagi Kategori "D" ialah 288 jawatan. Jawatan yang telah diisi melalui Operasi Isi Penuh sehingga 7-6-80 ialah 989 jawatan. Walau bagaimanapun, daripada jumlah 1,797 itu, tawaran telah dibuat bagi mengisi jawatan kosong ialah 1,705 jawatan dan bakinya sebanyak 92 jawatan itu akan diisi melalui Operasi Isi Penuh Peringkat Ketiga. Adalah dijangka semua calon-calon yang telah ditawarkan itu akan melaporkan diri selewat-lewatnya pada penghujung bulan Julai, 1980.

Baki 92 jawatan yang belum dapat diisi sebagaimana yang diterangkan tadi kebanyakan jawatan-jawatan

dalam Kategori "D" dan jenis jawatan-jawatan itu adalah memerlukan kerjakerja kemahiran yang tinggi seperti berikut:

- (1) Penjaga Jentera Elektrik
- (2) Penjaga Jentera Mekanik
- (3) Tukang Sambung Kabel Elektrik Kadar Khas
- (4) Jurugegas Penghawadingin dan Penyejok
- (5) Engine Driver IC Kelas "A"
- (6) Jurugegas Jentera Kadar Khas dan Kadar Biasa.

- (b) Angka-angka dan peratus pecahan kaum yang mengisi kekosongan adalah seperti berikut:

Angka	Peratus daripada calon yang hadir temuduga	
Melayu ...	1,325	23% (5,780)
Cina ...	236	23% (1,027)
India ...	136	28% (489)
Lain Bangsa	8	32% (25)

- (c) Jumlah bilangan kekosongan di bawah Kementerian yang belum diisi dan akan diambil melalui Operasi Isi Penuh Peringkat Ketiga yang akan dijalankan pada awal bulan Julai, 1980 adalah seperti berikut:

Jawatan-jawatan dalam Kumpulan "C" ...	505 jawatan
Jawatan-jawatan dalam Kumpulan "D" ...	224 jawatan
Jumlah ...	<hr/> 729 jawatan <hr/>

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AHLI-AHLI PARLIMEN (SARAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai saraan Ahli-ahli Parlimen dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG
PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG NOTARI
AWAM (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-
UNDANG AHLI PERSENDIRIAN**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERKHIDMATAN NASIONAL, 1980**

3.40 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 49 (1) mengizinkan saya untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Fersendirian yang bernama Akta Perkhidmatan Nasional 1980

untuk memperuntukkan semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun adalah dikehendaki untuk menjalani perkhidmatan nasional selama 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan Akta tetapi Rang Undang-undang. Kalau sudah diluluskan oleh kedua-dua Dewan dan dapat persetujuan Yang di-Pertuan Agong baru jadi Akta.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, tujuan utama bagi DAP dan saya untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini adalah berasas kepada beberapa aspek dan kepentingan seperti berikut:

- (1) Dari segi pertahanan nasional;
- (2) Dari segi perpaduan rakyat;
- (3) Dari segi kesedaran kebangsaan (national consciousness); dan
- (4) Dari segi dan kepentingan identiti nasional.

Tuan Speaker, memandangkan perkembangan dan pergolakan politik di dunia hari ini khasnya di Asia dan Asia Tenggara, khasnya dalam konteks di Indo-China kita boleh dapati bahawa pergolakan politik ini adalah sangat-sangat mengancam keselamatan negara kita.

DAP mencadangkan bahawa Skim Perkhidmatan Nasional boleh diamalkan di Malaysia bukan bermakna DAP memperkecil-kecilkan kesanggupan dan kebolehan pertahanan pasukan keselamatan udara, tentera laut atau pasukan polis atau sukarelawan yang ada di Malaysia hari ini. Apa yang DAP cuba mengemukakan Skim Perkhidmatan Nasional ini ialah kalau kita boleh berpandangan jauh (far-sighted) kita boleh memobilisasikan tenaga rakyat seluruh Malaysia hari ini untuk bersiap sedia mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara kita bila sampai masanya.

Kerana memandangkan pergolakan politik yang kian menggenting di rantau itu maka Malaysia perlulah membangkitkan kesedaran rakyat tentang tanggungjawab setiap rakyat tanpa mengira bangsa, agama, warna kulit dan kedudukan masyarakat mereka untuk mempertahankan tanahair tumpah darahnya sendiri. Ini adalah salah satu cara yang paling asas dan paling mustahak untuk memupuk

kesedaran nasional (national consciousness) di setiap rakyat kita tanpa mengira kaum. Bahawa mempertahankan kedaulatan negara kita adalah tanggungjawab dan kewajipan setiap rakyat, bukan kepada satu kaum sahaja sepertimana yang selalu dituduh oleh satu pihak kaum bahawa pertahanan adalah hanya di tangan satu kaum sahaja, yang lainnya tidak mempertunjukkan ketaatsetiaan mereka.

Sebenarnya ini adalah sangat bahaya jika sekiranya negara kita tidak mengikis salah faham dan prasangka itu. Maka kita yakin dengan diadakan Skim Perkhidmatan Nasional itu kita bukan sahaja boleh melengkapkan rakyat kita untuk menghadapi segala ancaman baik dalam negeri ataupun dari luar. Kalau kita tinjau dari segi sejarah, baik sejarah kuno atau sejarah hari ini atau peristiwa-peristiwa yang berlaku di Timur Tengah atau di Afrika atau di Kampuchea kita lihat yang hanya boleh mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara sendiri ialah keputusan rakyat sendiri, bukan hanya terletak di tangan pasukan keselamatan negara kita.

Di sini kita memandang berat bahawa sudah sampai masanya bagi negara kita mengamalkan Skim Perkhidmatan Nasional untuk memperkuatkan pertahanan negara kita di samping adanya pertahanan pasukan tentera udara, darat dan polis dan pasukan sukarelawan. Ini adalah sangat mustahak bagi kita bagaimana kita boleh mendidik dan membangkitkan kesedaran rakyat kita tentang keadaan pergolakan politik sekarang yang memerlukan rakyat sekarang bersiap sedia (stand-by) bila sampai masanya keselamatan, kedaulatan, keutuhan negara kita diancam setiap rakyat boleh bangun untuk membela nasib tanahair tumpah darahnya sendiri. Inilah strategi utama kita.

Yang kedua ialah kita fikir kalau Skim Perkhidmatan Nasional ini boleh diamalkan ianya akan boleh menolong Kerajaan mencapai matlamat pembinaan negara iaitu perpaduan rakyat. Bila Skim ini dilaksanakan maka semua rakyat tanpa mengira kaum mereka, tanpa mengira agama mereka bersama-sama bergaul untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita supaya tidak timbul lagi soalan di negara kita untuk mempersoal-soalkan ketaatsetiaan sesuatu kaum, tidaklah timbul lagi soal adakah kuasa pertahanan hanya terletak di satu kaum sahaja.

Ini adalah sangat mustahak melalui satu Skim Perkhidmatan Nasional untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa itu. Saya yakin Skim ini akan boleh memberikan satu perangsang dan satu latihan supaya semua rakyat dapat disatupadukan menjalani satu latihan selama 2 tahun untuk memupuk semangat muhibah, untuk menutup dan mengikis segala salah faham yang ada pada hari ini.

Matlamat yang ketiga ialah bagaimana kita boleh melalui Skim Perkhidmatan Negara kita ini untuk melahirkan atau mewujudkan identiti nasional Malaysia sendiri. Dari segi kacamata yang kita boleh nampak hari ini kita boleh selalu rasai bahawa pertahanan negara kita seolah-olah hanya terdiri dari satu kaum sahaja. Saya memberikan satu contoh. Dalam sebuah Kertas Kerja yang dibentangkan oleh Ketua Pengarah dari Unit Perancang Sosio-ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Dr Mohd. Nor bin Abdul Ghani pada 17hb April tahun ini di seminar ekonomik, Melaka yang isi kandungan dinyatakan begini:

“Bahawa askar Malaysia perlulah terdiri daripada Melayu sahaja” Ini adalah satu konsep yang sangat bahaya dan perkauman dan seditious. Ini akan merosakkan bukan sahaja perpaduan rakyat kita juga tidak akan berjaya memupuk dan membangkitkan kesedaran nasional (national consciousness) di semua masyarakat kita dan kita setiap rakyat kita bahawa kita adalah rakyat Malaysia, tidak boleh dibeza-bezakan kerana kulit, kaum, keturunan asal usul mereka. Kita hanya boleh diidentitikan sebagai satu rakyat sahaja iaitu rakyat Malaysia. Maka tanggungjawab mereka ialah melalui Perkhidmatan Nasional. Mempertahankan tanahair tanah tumpah darah kita bukanlah tanggungjawab satu kaum atau perseorangan sahaja. Ini adalah tanggungjawab setiap rakyat Malaysia.

Tuan Speaker, saya sudah memberi keempat-empat matlamat utama mengapa DAP dan saya mencadangkan Rang Undang-undang ini untuk mengatasi keempat-empat masalah yang kita hadapi dalam proses pembinaan negara kita khasnya dari segi

keselamatan yang ada hari ini di rantau Asia Tenggara dan juga dari segi perpaduan rakyat, dari segi bagaimana mewujudkan nasional identiti dan juga nasional consciousness. Inilah tujuan Rang Undang-undang saya.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sepatah dua kata mengenai usul yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka. Pertama sekali ingin saya memaklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa soal Perkhidmatan Negara bukanlah satu konsep yang baru ditimbulkan di dalam ataupun di luar Dewan ini. Di Dewan yang mulia ini pihak Kerajaan telah beberapa kali memberi penerangan mengenainya melalui jawapan-jawapan kepada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga paling akhir sekali di dalam Persidangan Belanjawan yang lalu.

Saya rasa dukacita kerana nampaknya segala hujah-hujah yang telah disampaikan oleh pihak Kerajaan telah tidak diindahkan oleh pihak DAP sehingga perkara ini terus menerus ditimbulkan di pelbagai forum sebagai propaganda semata-mata dan kerana ini saya ragu-ragu tentang tujuan sebenarnya, pihak Ahli Yang Berhormat yang telah memikirkan atau menimbulkan soal ini sekali lagi. Walau bagaimanapun oleh kerana sistem demokrasi yang kita amalkan membenarkan perkara-perkara seperti ini dibincangkan secara terbuka maka Kerajaan tidaklah mahu menghalang mana-mana pihak untuk membawakannya sebagai bahan usul di Dewan ini. Sungguhpun begitu pendirian Kerajaan di dalam hal ini tidaklah berubah. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan penjelasan mengenai Perkhidmatan Nasional seperti yang telah diusulkan dengan harapan perkara ini tidak akan ditimbulkan lagi oleh Ahli-ahli daripada Pembangkang terutama sekali daripada DAP.

Sebagaimana yang telah ditegaskan di masa-masa yang lampau, Perkhidmatan Negara (National Service) adalah dianggap belum sesuai diadakan di negara ini buat

masa ini kerana berbagai faktor. Segala kajian telah kita buat mengenai soal National Service ini selama-lama di dalam tahun 70an telah menunjukkan negara ini belum lagi dapat menerima konsep, belum mampu lagi menjalankan soal Perkhidmatan Nasional dengan sekali gus. Saya rasa tidak payahlah saya menyorot kembali sejarah ataupun menyebut masalah-masalah theoretical mengenai konsep National Service, nation in arms ataupun *levee en masse*, kerana saya percaya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tentulah sudah mengalami perkara ini lebih dahulu daripada saya. Namun demikian jika konsep Perkhidmatan Negara di dalam usaha ini ditafsirkan sebagai perkhidmatan tentera yang wajib ataupun sistem conscription maka pada pendapat Kementerian saya banyak masalah-masalah practical yang akan dihadapi di dalam rancangan-rancangan implementasi.

Pertama, cadangan untuk mewajibkan belia-belua yang berumur 18 tahun hingga 35 tahun untuk berkhidmat di dalam angkatan tentera akan menimbulkan berbagai-bagai kesusahan bukan sahaja daripada segi classification ataupun mencari criteria belia-belua mana yang patut masuk berkhidmat dahulu atau kemudian atau dikecualikan sama sekali. Tetapi juga dari segi bilangan rakyat Malaysia yang di antara 18 tahun dan 35 tahun yang terlalu besar sehingga menyebabkan satu rancangan seperti ini unmanageable ataupun tidak mungkin dapat ditadbirkan dengan secara teratur tanpa menimbulkan masalah-masalah seperti kewangan, kemudahan-kemudahan kakitangan dan juga masalah kemanusiaan. Tambahan pula satu negara yang sedang membangun seperti negara kita ini dan sedang memperkembangkan angkatan tenteranya kepada credible level of force perlu menyalurkan tenaga manusianya di berbagai-bagai bidang termasuk bidang pembangunan di samping bidang ketenteraan.

Kedua, menurut pengalaman di negara-negara yang mengamalkan sistem ini, sistem conscription, sering timbul masalah dari segi politik di mana didapati ada sahaja di dalam satu-satu segment masyarakat itu yang enggan dipaksa berlatih memegang senjata sama ada atas moral ground atau atas ground yang lain yang menyebabkan banyak pertengkaran di antara pihak berkuasa dengan orang ramai. Pertengkaran ini akan boleh dijangka hebat kalau rakyat sendiri belum

sedar atau berpendapat bahawa bahaya yang disebutkan oleh Kerajaan mungkin tidak begitu hampir.

Perkhidmatan yang membabit unsur paksaan akan menekan bebanan yang besar kepada pihak polis dan pihak tentera. Oleh yang demikian ada negara-negara demokrasi yang besar yang telah mula mengundur ataupun menghapuskan sama sekali sistem conscripted service kerana telah disedari bahawa sistem ini tidak dapat diterima oleh rakyat dengan sepenuh hati mereka. Lagi pun negara ini bukan berkehendak tentera sebesar-besar seperti di United States, Jerman ataupun negara-negara besar yang lain dan keperluan kita telah dapat kita isi selama ini dengan cukup memuaskan menerusi sistem volunteer ataupun Askar Wataniah.

Setakat ini sambutan rakyat adalah cukup memadai dan saya berasa bangga bahawa mereka yang telah tampil ke hadapan telah dapat mengambil peranan yang cukup giat dan termasuk di antara mereka ini bukan sahaja satu bangsa tetapi bangsa-bangsa lain sungguhpun bilangannya tidak sama.

Saya percaya apakala kesedaran sudah timbul di semua kalangan rakyat penyer-taannya akan bertambah lebih balance.

Ketiga, dari segi dan kemampuan sistem perkhidmatan negara ini juga didapati tidak praktikal apabila kita memandangkan bahawa anggota-anggota tentera hari ini memerlukan kemahiran yang beraneka jenis. Mereka ini perlu dilatih secara berterusan di dalam masa perkhidmatan mereka seterusnya. Tugas memberi latihan di dalam masa kita membesarkan tentera biasa sudahpun berat untuk mencapai intensity yang memuaskan. Kita tidak fikir intensity ini patut dikendur sama sekali dengan membebaskan lagi angkatan tentera kita dengan tugas melatih sebilangan yang besar rakyat seperti terdapat di bawah skim national service. Tambahan pula kebanyakan yang direkrut itu tidak rela dipaksakan masuk berkhidmat.

Saya rasa eloklah pada takat ini kita tumpukan tenaga kita kepada latihan untuk membesarkan tentera biasa dahulu dan pem-besaran Askar Wataniah yang pada pendapat Kerajaan mempunyai kemampuan untuk menghadapi ancaman ketika ini tanpa memerlukan kearahana tenaga seluruh rakyat memerlukan kearahana tenaga seluruh rakyat. jawabkan dengan masalah pertahanan negara,

kami telahpun mengkaji perkara ini dengan semasak-masaknya dan berpendapat bahawa sistem perkhidmatan negara yang menggunakan paksaan masih tidak dapat dijalankan dengan cara praktikal di negeri ini pada takat ini.

Keempat, jika pihak DAP bercadang supaya sebahagian besar rakyat negara ini diberikan latihan tentera, ini pun sebenarnya memang sedang dijalankan. Melalui pertumbuhan-pertumbuhan sukarelawan yang telah sedia ada sekarang. Beliau dan beliawanis telahpun dilatih di dalam berbagai ilmu ketenteraan untuk mempertahankan negara melalui pasukan Kadet Polis dan Kadet Tentera di sekolah-sekolah Menengah dan di pusat-pusat pengajian tinggi. Pasukan Bulan Sabit Merah, Pengakap dan Pandu Puteri, merupakan sebahagian yang menerima unsur-unsur latihan yang kita tidak boleh lupa ada berkaitan dengan kebolehan kita menghadapi keadaan kecemasan. Jikalau pihak DAP boleh sama-sama menggalakkan rakyat memasuki skim volunteer ini, keperluan negara yang cukup boleh dicapai.

Kelima, bagi mereka di Institusi Pelajaran Tinggi pula telah kita sedia skim-skim ROTU (Reserved Officers Training Unit) yang boleh memberi tenaga perwira di peringkat pegawai. Saya ingin hendak sebutkan di sini pun ada berbagai kaum telahpun menyertai. Saya hairan sedikit bahawa Ahli Yang Berhormat bercakap seolah-olah kita tidak ada skim yang membabitkan rakyat seluruhnya dalam soal pertahanan negara ini. Kalau beliau tahu, ini sedangpun dijalankan, sungguhpun tidak dengan cara paksaan tetapi menggunakan kerelaan rakyat sendiri.

Lazimnya di dalam soal tenaga untuk pertahanan negara ini sistem yang kita amalkan ialah dengan mengambil rekrut warga-negara daripada semua kaum soal pertahanan sebagai anggota tentera sama ada pasukan simpanan ataupun pasukan tetap. Kita sedar sepenuhnya bahawa tugas mempertahankan negara ini bukanlah semata-mata tanggung-jawab pasukan keselamatan bahkan mengakibatkan rakyat seluruhnya. Ini kita tidak lupa. Struktur Askar Wataniah ataupun simpanan yang kita bina adalah berasas atas pertimbangan bahawa rakyat boleh menyumbang tenaga di dalam soal pertahanan negara dengan secara sukarela.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keseluruhannya organisasi Askar Wataniah sekarang ini sedang diperkuatkan dan akan diberi latihan yang bertambah mendalam dari satu peringkat ke satu peringkat. Organisasi LDC pun sedang disusun semula dengan tujuan untuk menyamai sukarelawan-sukarelawan ini dengan latihan basic bagi pihak angkatan tentera. Di bawah rancangan kita yang ada di dalam beberapa tahun yang akan datang (tahun lapan puluhan) kita ingin hendak mendapatkan rekrut-rekrut bagi volunteer force dalam nisbah seorang volunteer dengan seorang askar biasa. Ini akan membuka peluang banyak kepada mana-mana belia di dalam negara ini yang benar-benar ingin berkhidmat untuk terbabit di dalam soal pertahanan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, skim Askar Wataniah ini adalah terbuka kepada semua kaum dan saya amatlah bersyukur kepada Allah s.w.t. bahawa sehingga ini Kementerian saya tidak menghadapi apa-apa kesusahan untuk mendapatkan sukarelawan-sukarelawan untuk memsmasuki Angkatan Tentera, Askar Wataniah ataupun LDC. Dan saya mempunyai penuh keyakinan bahawa apabila diperlukan kelak rakyat yang mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi akan terus tampil kemuka untuk menyumbangkan tenaga mereka tanpa apa-apa paksaan.

Saya bersetuju tanggungjawab kita dari segi seluruh rakyat Malaysia ini memanglah ingin menjaga keselamatan negara ini. Saya juga tahu walaupun ada bisikan sana sini bahawa semua rakyat daripada semua kaum mempunyai taat setia yang cukup kuat kepada negara ini dan saya rasa semakin lama kita mengadakan skim volunteer ini semakin lama rakyat tahu bagaimana menunjukkan kerelaan mereka hendak berlatih. Tetapi dengan cara paksaan, saya rasa ini akan ada reverse effect. Di bawah Skim Askar Wataniah yang ada sekarang tidak ada satu kaumpun yang dihindar (prevented) daripada menyertainya. Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat ada berbagai kaum telah menyertainya. Kalau Ahli Yang Berhormat benar-benar mahu menjayakan tujuan-tujuan seperti yang telah dia sebutkan, tujuan-tujuan yang saya sendiri memang setuju, eloklah beliau cuba seperti seorang Cina yang memahami mentality orang Cina

bekerja untuk menyebarkan penyertaan di kalangan mereka supaya mereka tidak akan mengikut bahawa fahaman lama dan akan rela masuk sebagai ahli pasukan Askar Wataniah kita. Saya sendiri tahu bukan kita boleh mengubah corak pemikiran orang dengan serta merta. Saya tahu latar belakang pemikiran orang Tionghua di dalam negeri ini. Bila mereka tidak mahu masuk jadi ahli volunteer force bukan bererti mereka otomatis dijangkakan sebagai tidak taat sama sekali. Mengikut adat latar belakang pemikiran orang Cina saya tahu bahawa seorang soldier itu dianggap sebagai traditionally the lowest class dan yang di atas sekali scholar. Jadi kalau asas pemikiran ini dapat kita buang sedikit demi sedikit tentu sekali kita akan dapat membanyakkan

Tuan Chan Teck Chan: Penjelasan

Tuan Yang di-Pertua: Untuk penjelasan, Yang Berhormat beri jalan?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Ya.

Tuan Chan Teck Chan: Ada fahaman di kalangan masyarakat orang Tionghua dahulu **iaitu besi yang baik tidak harusnya dijadikan paku**; lelaki yang baik tidak seharusnya dijadikan askar. Tetapi saya katakan sekarang sudah sampai masanya kita adalah rakyat Malaysia. Ini masa dulu di negeri Tiongkok. Tetapi sekarang apa yang kita bincangkan ialah di dalam konteks kita sebagai rakyat Malaysia, bukan sebagai orang Cina, orang Melayu dan orang India. Maka saya kata satu cara untuk mempertunjukkan ataupun untuk memperlihatkan ketaat setiaan seseorang ialah mereka harus mahu menjalani perkhidmatan nasional. Inilah yang paling pokok dan paling asas sekali.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju kalau kita dapat tukarkan semua pemikiran rakyat dalam negeri ini, bagus sekali kalau kita dapat capai tetapi kita bergerak mengikut keadaan reality.

Kalaulah sekiranya negeri ini mempunyai kemampuan barangkali ada banyak masalah yang akan timbul dan ini akan deviate major effort iaitu usaha yang besar bagi kita memperkuatkan regular force pada masa sekarang ini.

Saya bercakap terus terang, saya tidak mahu menghadapi masalah yang timbul daripada social thinking. Masa saya ditugaskan untuk memperkuatkan askar biasa, saya rasa ini tugas pertama dalam keadaan yang kita hadapi. Kalau sudah kita dapat memperkuatkan askar biasa kita, baharulah kita dapat sedikit demi sedikit menjalankan tugas-tugas lain seperti re-educate orang-orang yang boleh membawa banyak orang ke dalam askar volunteer. Itulah sebabnya saya sebutkan tadi kalau benar-benar mahu menunjukkan kita mahu mencapai tujuan yang saya sebutkan tadi, eloklah kita pimpin betul-betul, kita explain mana yang lebih baik daripada orang semasa bangsa untuk menyatakan fikiran ini ditukarkan, ini tugas kita kepada negara. Baik kita sekarang ini tunjukkan secara ikhlas dengan voluntary service tidak payah dengan paksaan pun kita mahu, kalau betul-betul ini caranya bagi peringkat sekarang ini. Oleh sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengambil tindakan berperingkat-peringkat. Sekarang ini kita fikir cara membabitkan rakyat dalam soal pertahanan ialah dengan secara volunteer services kerana kalau kita tukarkan soal volunteer force jadi conscriptive force, soal military pun terpaksa kita tukar. Sekarang inilah masalah yang besar, ada perasingan di antara economic sector dengan security sector untuk menggunakan manpower dalam negara kita ini.

Jadi bagi penutupnya, saya ingin menyebutkan di sini, saya harap Ahli Yang Berhormat jangan memainkan soal ini sebagai soal politik bahkan saya minta sokongan daripada beliau untuk meneguhkan keadaan kita sekarang ini supaya dapat menjayakan voluntary scheme yang kita telah jalankan selama ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

USUL

JAWATANKUASA PILIHAN PARLIMEN—MENGKAJI LAPORAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas usul yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini memutus untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk meneliti dan mengkaji Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, serta juga membuat satu taksiran mengenai perakuan-perakuan yang dibuat oleh Laporan Kabinet tersebut sama ada perakuan-perakuan tersebut akan memastikan sistem pelajaran kebangsaan akan melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih serta juga memenuhi keperluan tenaga rakyat negara. (9hb Jun 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ditangguhkan pada petang semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedang bercakap dalam soal ini bagi menjawab perbincangan yang timbul mengenai usul ini. Sekarang saya jemput Yang Berhormat menyambung ucapannya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti telah saya katakan pada petang semalam, saya sendiri kurang faham di atas tujuan sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Petaling membangkitkan usul ini sedangkan Laporan Jawatankuasa Kabinet ini tidak lari dari matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berasaskan kepada Akta Pelajaran 1961.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sayugia dimaklumkan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan kita telahpun diterima oleh rakyat jelata sungguhpun parti DAP masih mempersoalkan. Nampaknya parti DAP masih lagi enggan menerima kenyataan di atas penerimaan rakyat jelata terhadap Dasar-dasar Kerajaan serta pelaksanaannya.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah memberi ucapan yang panjang lebar seolah-olah memberi kuliah (lecture) kepada Dewan yang mulia ini berkaitan dengan soal perpaduan kaum di dalam negara kita ini. Sekali lagi saya meragui tujuan Ahli Yang Berhormat ini oleh kerana Ahli Yang Berhormat adalah yang paling tidak layak sekali untuk bercakap berkaitan dengan perpaduan kaum di dalam negara kita ini. Di samping ucapannya kita dapat melihat bagaimana hujah-hujah Ahli Yang Berhormat itu semata-mata memperjuangkan kepentingan satu pihak rakyat jelata di dalam negara kita ini sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Petaling boleh berbuat demikian oleh kerana tidak perlu memelihara kepentingan rakyat jelata pada keseluruhannya. Kalau kita kaji dengan mendalam hujah-hujah daripada ahli-ahli parti Pembangkang sudah tentu jelas kita faham bahawa ahli-ahli parti Pembangkang boleh bercakap untuk mewakili kepentingan satu pihak sahaja di dalam negara kita ini tanpa menghiraukan kepentingan pihak yang lain.

Di dalam negara yang berbilang keturunan ini parti Kerajaan Barisan Nasional tidak mampu untuk melaksanakan Dasar Kerajaan yang membawa faedah kepada rakyat jelata sahaja dan dengan tindakan ini mengasingkan rakyat jelata dari satu dengan lain. Adalah aneh bahawa Ketua Pembangkang yang melaung-laungkan parti DAP memperjuangkan kepentingan negara pada keseluruhannya dengan nada yang sama sewenang-wenangnya membelakangkan kepentingan segolongan besar rakyat jelata di dalam negara kita ini dengan hujah-hujah yang diberikan. Saya tidak hairan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP terpaksa menggunakan amalan ini oleh kerana matlamat parti politik DAP adalah hanya untuk memecahbelahkan rakyat di dalam negara kita dan bukan untuk memberi jalan lagi bagi menghasilkan perpaduan rakyat yang benar-benar berkekalan. Saya suka mengambil kesempatan untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan akan berusaha untuk melaksanakan perakaun-perakuan yang dibuat di dalam laporan

ini. Saya juga yakin dan percaya bahawa dengan pelaksanaan yang tegas kita akan dapat mencapai matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan kita seperti yang termaktub di dalam Akta Pelajaran 1961.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menegaskan di sini oleh kerana Laporan Kabinet ini hanya menyentuh soal-soal pelaksanaan Dasar Pelajaran dan perakuan-perakuan pun telah dibuat dengan lengkap dan sempurna, maka penubuhan sebuah Jawtankuasa Pilihan Parlimen untuk membincangkan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu adalah tidak perlu. Dengan ini saya menentang usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.20 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menggulung perbahasan ini.

Yang pertama, saya rasa sangat kesal bahawa dalam satu perbahasan mengenai satu perkara yang begitu penting, pelajaran, yang akan menentukan masa depan negara kita, anak-anak kita sama ada Malaysia akan maju atau mundur tidak ada apa-apa perhatian diambil oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Barisan Nasional dan selain daripada jawapan yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak seorang ahli daripada Barisan Nasional ada ambil bahagian. Kita semua tahu bahawa ahli-ahli sangat menumpukan perhatian terhadap perkara mengenai Rang Undang-undang Ahli-ahli Parlimen (Saraan) di mana saya dengar akan menambahkan elaun-elaun 100% tetapi kalau Ahli-ahli Parlimen mahu menaikkan elaun 100% sekurang-kurangnya kita harap bahawa minat mereka terhadap isu-isu negara dan rakyat pun boleh ditinggikan 100% bahawa perasaan tanggungjawab mereka pun ditinggikan.

Saya di sini bukan mahu bahas mengenai Rang Undang-undang ini, apabila sampai masanya kita bahas tetapi ini menunjukkan satu sikap yang saya rasa tidak cukup bertanggungjawab dan lebih-lebih lagi apabila saya dengar bahawa semalam dalam television apabila ada satu Laporan Parlimen langsung tidak ada satu perkataan mengenai perbahasan ini sungguhpun ada dua jam

semalam digunakan satu isu yang begitu mustahak mengenai Laporan Kabinet, itulah menunjukkan sikap pegawai-pegawai yang baru dapat naik gaji, mengenai fahaman, kesedaran apa-apa isu yang penting. Saya rasa ini tidak sihat dan mungkin menunjukkan kegagalan sistem pelajaran kita.

Semalam dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa saya membazirkan masa di sini dalam ucapan saya. Saya tahu beliau ada fikiran bahawa apa yang saya ucapkan ialah membazirkan masa. Semalam saya ada memberi pandangan mengenai banyak perkara, mungkin sebagai perpaduan negara sama ada diwujudkan oleh sistem pelajaran, sama ada automatic promotion system baik atau tidak baik tetapi masalah ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri membazirkan masa.

Saya ada sebut mengenai masalah-masalah sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil bagaimana mereka tidak boleh dapat wang daripada Kerajaan yang adil, semua ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri membazirkan masa. Saya ada sebut mengenai mutu pelajaran, anak-anak pergi sekolah, semua kaum, orang Melayu, orang Cina dan orang India pergi sekolah, 6-7-9 tahun tidak boleh menulis, tidak boleh membaca, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu membazirkan masa.

Dato' Chan Siang Sun: Ya, ya!

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada sebut masalah-masalah tidak boleh dapat cukup tempat di sekolah-sekolah untuk anak-anak kita pergi masuk aliran bahasa Cina dalam peringkat pelajaran rendah, inipun membazirkan masa. Semua ini membazirkan masa. Apa yang tidak membazirkan masa? Saya hendak bertanya. Dapat wang, dapat pangkat, itu tidak membazirkan masa.

Dato' Chan Siang Sun: Multi-purpose!

Tuan Lim Kit Siang: Ya—multi-purpose—licence, itu tidak membazirkan masa tetapi bincang masalah rakyat itu membazirkan masa.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun di Dewan yang mulia ini saya ada peluang untuk tahu cara (style) Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan atau memberi ucapan dan saya

sudah lama, dengan izin satu perkataan Inggeris, rasa "sick" (sakit) apabila beliau berdiri menjawab, berucap oleh kerana sangat tidak bertanggungjawab, selalu tak tahu perkara yang pura-pura beliau mahu tunjuk beliau tahu, selalu tak

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik perkataan "pura-pura"—unparliamentary!

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang pun pura-pura—pretend!

Dato' Chan Siang Sun: Unparliamentary—tarik balik!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat. Saya minta tolong tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: "Pura-pura" itu ialah "pretend". Itu mana boleh unparliamentary?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, kalau ikut betul unparliamentary, tetapi soalnya kalau kita insinuate.

Tuan Lim Kit Siang: Itu benar dan kalau mahu bukti, saya boleh refer *Hansard* itu dan saya berdiri atas perkataan itu oleh kerana itu adalah benar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini payah sedikit mahu tunjuk siapa pura-pura, siapa tidak pura-pura daripada hujah-hujah atau bahasan (debate) dalam Dewan. Saya harap Yang Berhormat tarik balik perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi tuduhan-tuduhan bahawa saya api-apikan isu-isu yang membelakangkan perpaduan negara. Itu satu tuduhan yang lebih dahsyat dan lain-lain, itu boleh. "Pura-pura" tak boleh?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan Yang Berhormat, kalau ikut loghat "api-api" (*Disampuk*).

Yang Berhormat, tolong hormatkan Dewan. Kalau ikut "pura-pura" ada insinuation bahawa orang itu hatinya tidak

bersih. “Api-api” maknanya beri panas hati orang sahaja. Jadi saya harap Yang Berhormat faham dari segi loghat itu dan untuk ketenteraman Dewan ini tarik baliklah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Petaling kata “bodoh” juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itulah saya ingat perkataan ini, tolonglah diredakan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh substitute. Saya boleh menggantikan perkataan itu.

Dato’ Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik perkataan “pura-pura” itu.

Tuan P. Patto: Inipun pura-pura sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Menglembu, tolong hormatkan Dewan. Sekarang saya minta Yang Berhormat dari Petaling tolong tarik balik perkataan “pura-pura” itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bahawa “pura-pura” itu unparliamentary. Baik, saya tak setuju tetapi oleh kerana Tuan Yang di-Pertua ada buat satu keputusan, saya tarik balik perkataan “pura-pura” tetapi dia ada pretend.

Dato’ Chan Siang Sun: Pretend apa?

Tuan Lim Kit Siang: Pretend—p-r-e-t-e-n-d. Pretend dalam Dewan ini, apa yang beliau tak tahu beliau pretend beliau tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Kalau saya tak silap saya tak boleh begitu menguasai Bahasa Malaysia. Pretend dalam Bahasa Malaysia ialah “pura-pura” (*Ketawa*).

Dato’ Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya buat definasi sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong beri hormat sedikit kepada Dewan ini dan tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Bila saya kata beliau “pura-pura” itu ada satu keputusan tak boleh—unparliamentary, dalam Bahasa Malaysia saya tarik balik, tetapi beliau ada pretend dan kalau saya tak silap “pretend” dalam Bahasa Malaysia ialah “pura-pura” atau ada lain perkataan saya harap boleh belajar. Adakah perkataan lain?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Teruskan ucapan!

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Dato’ Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Standing Order 36 (1).

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato’ Chan Siang Sun: Standing Order!

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tengok apa itu dahulu?

Dato’ Chan Siang Sun: Standing Order 36 (1), Yang Berhormat itu sudah menyeleweng dan tidak menumpukan kepada perbahasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itulah saya minta Yang Berhormat dari Petaling teruskan perbahasan, tolong jangan menyeleweng. Itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah sikap yang tadi saya ada sebut dalam Dewan ini jadi clown, satu circus sahaja, satu kelakar dan semacam tadi apa yang saya ada sebut apabila Yang Berhormat Menteri berdiri kita rasa sick, kalau boleh tidak mahu tanya soalan, kalau boleh tidak mahu dengar apa-apa daripada dia dan saya tidak pernah ada perasaan itu terhadap sesiapa dalam Dewan ini dalam masa sepuluh tahun ini. Sikap, style yang begitu offensive dan sickening yang tunjuk dia tidak layak jadi seorang Timbalan Menteri. Saya kata jadi impotent

besar negara kita bahawa tidak ada seorang Timbalan Menteri begitu tidak guna (*seorang Ahli Yang Berhormat: Resign, resign*) - Kita boleh.

Tuan P. Patto: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Menglembu!

Tuan P. Patto: Ya, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong hormatkan Dewan dan duduk!

Tuan P. Patto: Ya, saya hormat. Oleh kerana ada percakapan di sana

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Menglembu!

Tuan P. Patto: Semua, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Duduk, Yang Berhormat!

Tuan P. Patto: Saya hormati, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya hukum duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini yang mengamalkan demokrasi kita boleh melakukan fahaman-fahaman yang berbeza, tetapi sekurang-kurangnya kitapun berharap boleh menghormati masing-masing, tetapi dalam kes ini Yang Berhormat tidak layak dihormati.

Semalam beliau ada berkata bacalah perenggan 103, baca sungguh-sungguh, pretend lagi. Semua ada di dalam. Kritik saya semalam dua kritik besar. Yang pertama, laporan ini sudah gagal untuk membuat satu penilaian mengenai sama ada yang termaktub dalam bidang tugas Jawatankuasa Kabinet, sama ada sistem pelajaran sudah memenuhi keperluan tenaga rakyat dan kedua, sudah mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu. Beliau berkata ada banyak. Tengok 103. Kita tengok 103 dan kita tengok adakah orang di sini pretend cakap apa yang dia tidak tahu pretend dia tahu, 103 apa itu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, bila-bila pun boleh. Kita tidak pretend.

Dato' Chan Siang Sun: Semalam saya katakan dalam perakuan itu ada 103. Banyak. Baca semuanya.

Tuan Lim Kit Siang: 103!

Dato' Chan Siang Sun: Semua 103—semualah 103. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Oh! semua perakuan-perakuan yang ada 103 itu benar? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa semua ada 103 perakuan-perakuan dan bukan 173—1-7-3 (*Disampuk*). Tidak tahu. Dia mahu pretend dan kalau kata baca 103 tidak ada sebut apa-apa okay. Sekarang saya baca dan tunjuk satu perenggan yang ada menunjukkan ada perakuan-perakuan mengenai tenaga rakyat mengenai perpaduan nasional. Beri tahulah! Bila? Tidak boleh. Tengok itu. Ini pura-pura.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, percakapan itu tolong tarik balik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat tadi sudah tarik balik. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak layak, tidak tahu apa. Tetapi bacalah apa pegawai Kerajaan tulis, dan circus semua. Itulah apa gunanya. Masalah ini bukan main-main. Masalah pelajaran bukan satu perkara bukan serius. Sangat serius tetapi tidak dapat perhatian yang serius.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri kata saya sentuh sahaja kelemahan-kelemahan dalam laporan itu, dalam sistem pelajaran, tidak sebut mengenai kejayaan, bukan? Adakah itu benar? Itulah kenyataan yang diakui.

Semalam beliau ada menjawab, Yang Berhormat dari Petaling sentuh sahaja kelemahan-kelemahan sistem, tidak ada sebut

kejayaan-kejayaan seperti mutu pelajaran ditinggikan. Apa makna ayat itu? Itu ialah bahawa beliau mengakui kelemahan-kelemahan yang semalam saya sebut, tetapi apa yang dia tidak suka ialah tidak sebut kejayaan-kejayaan dan kalau begitu semua kelemahan yang saya bentang semalam diakui. Lebih mustahak kita mesti ada satu Parliamentary Select Committee dan lebih mustahak bahawa perkara itu penting dan saya tidak membazir masa. Ini rakyat pilih kita datang ke sini untuk apa? Untuk apa? Membazir masa. Untuk bincang masalah rakyat dan bila bincang masalah rakyat itu bukan membazir masa dan orang yang ada sikap bahawa datang ke Dewan bincang masalah rakyat ialah membazir masa lagi tidak layak jadi seorang Ahli Parlimen, tidak mahu kata Timbalan Menteri. Sikapnya pun tidak selaras dengan seorang yang boleh jadi demokrat dan nasib baiklah untuk negara kita bahawa beliau Timbalan Menteri dan tidak ada kuasa. Arah sahaja, tolak sahaja. Kalau ada habis sistem pelajaran kita. Kita tidak tahu beliau di sini rubber stamp, di sini cakap-cakap, itu sahaja (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengakui apabila saya cabar beliau tunjukkan satu perenggan iaitu perakuan di mana ada sebut mengenai tenaga rakyat mengenai perpaduan negara, dia diam, dia duduk. Mungkin dia sendiri pun tidak baca laporan ini. Ada baca? Saya mahu tanya ada baca? Fahamkah? 173 dia kata 103. Mana ada baca. Dia sendiri pun tidak baca. Dia tidak berani. Kalau dia baca, saya mahu tahu lagi apa ada di dalamnya. Lebih baik jangan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, itu serius. Apabila seorang Timbalan Menteri tidak baca laporan ini, itulah masalah yang kita menghadapi.

Semalam beliau guna peluang untuk mengecam parti DAP. "Oh, Ali dari Petaling hantar anak ke luar negeri. Oh, Ahli dari Seremban hantar anak ke luar negeri." Apabila Yang Berhormat dari Ipoh ada satu usul mengenai mahu menahan pemimpin-pemimpin UMNO, MCA, MIC, GERAKAN hantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapat pelajaran rendah dan pelajaran menengah, kenapa ada begitu ramai anak-anak dihantar ke luar negeri untuk pelajaran rendah dan pelajaran menengah?

Saya di sini tidak mahu sebut universiti. Ini tunjuk apa? Tunjuk mereka tidak senang, tidak setuju dengan sistem pelajaran tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada muka datang ke sini kata ada mandate daripada rakyat untuk dapat meneruskan sistem ini dan bukan sahaja ada begitu ramai anak-anak dihantar ke luar negeri anak-anak Menteri, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional pun dihantar ke luar negeri untuk pelajaran rendah dan menengah. Itulah apa yang mesti tidak dikecam. Ini menunjukkan mereka sendiri tidak percaya kepada sistem pelajaran yang direka oleh mereka.

Benar, rakan saya Yang Berhormat dari Seremban, dia ada seorang anak dihantar ke luar negeri untuk higher-upper secondary education.

Tetapi ini bukan satu sistem yang kita DAP wujudkan. Ini satu sistem yang kita kritik, kita tidak hipokrit, kita tidak berlaku sebagaimana orang yang mewujudkan sistem, rakyat dan anak-anak awak datang tetapi anak-anak saya diluar negeri. Itulah hipokrit, (*Tepuk*) itulah hipokrit. Dan anak saya di luar negeri untuk mendapat pelajaran universiti. Kita faham masalah universiti ini. Anak saya pergi keluar negeri dan ramai rakyat yang anak-anak mereka di luar negeri oleh kerana dalam negeri kita tak dapat tempat untuk mereka. Itu siapa yang silap?

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Kita dapat tahu ucapan ini adalah ucapan balas daripada Timbalan Menteri Pelajaran. Sekarang ini siapa bersyarah? Ahli Yang Berhormat itu sudah bersyarah dua jam semalam. Ini bukan bersyarah, dia minta penjelasan, tetapi dia bersyarah balik memberi alasan-alasan yang baru. Semalam dia sudah bersyarah dua jam (*Disampuk*). Jadi sekarang ini Ahli Yang Berhormat itu yang bercakap menjawab ulasan yang diberikan semalam, tetapi sekarang siapa yang bersyarah di sini balik. Saya harap Tuan Yang di-Pertua dapat bertindak.

Tuan Lim Kit Siang: Termasuk Yang Berhormat Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi saya sudah beritahu tujuan kita membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk menggulung ialah untuk memberi pandangan-pandangan kepada perkara-perkara dan kenyataan-nyang telah pun dibuat semalam. Tetapi saya minta kurangkan hujah-hujah yang mengusik peribadi Timbalan Menteri Pelajaran itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, yang pertama apabila saya menggulung, dan sesiapa juga menggulung, tentulah sebut berkenaan perkara yang ditimbulkan, bukan saya mahu timbulkan perkara peribadi. Ini dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri dahulu. Saya mesti diberi peluang untuk menjelaskan dan apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap dia bercakap bagi pihak semua Ahli Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Menteri dan apabila saya mahu menjelaskan kepada dia termasuk Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri dengar, kalau tak suka, boleh keluar. (*Hear! Hear!*) (*Tepuk*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tolong tumpukan kepada hujah-hujah perkara pelajaran, dasar pelajaran seperti yang disebutkan semalam.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dia ada mengatakan bahawa saya hantar anak saya ke luar negeri untuk pelajaran universiti. Kenapa tak boleh menentukan? Semalam saya ada sebut, ada kritik, ada sebut masalah ini, tetapi dia kata membazir masa Dewan. Oleh sebab tempat di universiti itu, abang Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri migrated ke luar negeri bukan? (*Seorang Ahli Yang Berhormat: Nafikan*)—Berdiri dan nafikan. Tetapi wah! pandai sekarang mengatakan tak ada tenaga professional lagi. Mana itu tenaga?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah, Ahli Yang Berhormat sekarang ini saya minta sepenuh permintaan jangan lagi tumpukan kepada peribadi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap lain kali jangan buat begitu supaya saya tak perlu jawab semacam ini. Beri dia satu lesson.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada katakan bahawa beliau meragui peranan pihak DAP

dan bahawa kita paling tidak layak bercakap mengenai perpaduan negara. Apa yang berlaku tadi menunjukkan siapa yang tidak layak. Dia menuduh ucapan saya semalam memihak satu kaum, satu golongan orang sahaja. Itupun dia tak faham, cakap kepada diapun dia tak faham sungguhpun dia pretend dia faham. Masalah banyak dan semalam saya ada sebut satu kes di Negeri Sembilan dalam satu survey 12 sekolah, sekolah Melayu peringkat rendah yang menunjukkan bahawa pencapaian mereka dalam subjek-subjek prinsip sangat-sangat tidak memuaskan. Itu untuk faedah satu golongan orang Cina sahaja? Bukan. Kita di pihak DAP di sini orang Malaysia. Bukan semacam MCA mengatakan orang Cina bersatu-padu, UMNO orang Melayu bersatu-padu, kita lebih Malaysian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri (*Tepuk*) dan mungkin tak layak menjadi seorang Timbalan Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tolong tumpukan kepada hormat masa untuk menggulung lebih daripada 10 minit. Sekarang saya beri had 10 minit lagi. Tolong gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, saya akan habis dalam 10 minit lagi. Apabila kita menimbulkan masalah pelajaran bukan kita mahu memihak satu kaum sahaja. Kita mahu anak-anak kita semua kaum, Melayu, Cina dan India mendapat pelajaran yang "the best" yang kita boleh beri kepada mereka, kita mahu anak-anak kita semua kaum mendapat peluang yang adil dan ini tidak bererti bahawa kita tidak mengakui realiti negara kita multi-racial. Bahawa pelajaran mother tongue education satu hak, bukan sahaja termaktub dalam Laporan Razak dan Perlembagaan Malaysia tetapi juga dalam Universal Declaration of Human Rights. Kalau kita menuntut, meminta bahawa mother tongue education dipelihara, itu membazir masa, itu bukan untuk kita boleh terima, itu sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi itulah punca pecah-belah di negara kita dan apa kita DAP mahu ialah selamatkan Malaysia daripada fahaman yang tidak bermalaysian ini. Kita mahu Malaysia berjaya dan maju dan pihak DAP di sini bukan semacam pemimpin-pemimpin yang ada dalam Barisan Nasional, khasnya MCA yang ada wang. Kalau ada apa-apa berlaku dalam Malaysia, mereka ada wang boleh

migrate, boleh ke luar pergi ke lain negara semacam abang Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mahu nafi? Dan apabila ada apa-apa huru-hara berlaku dalam Malaysia kita semua ada dalam Malaysia, anak-anak kita ada dalam Malaysia, kita mahu selamatkan Malaysia daripada hakikat ini. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tak faham, tak mahu faham dan tak boleh faham, sudah 10 tahun lebih daripada itu dalam Parlimen, dalam Kerajaan sudah jadi Timbalan Menteri, harap boleh jadi Menteri, tetapi semua tak boleh faham. Saya tahu, saya sedar

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, saya sudah 5 penggal.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! even worse (*Ketawa*).

Dato' Chan Siang Sun: Saya beritahu awak!

Tuan Lim Kit Siang: Saya faham lah 5 penggal tak boleh jadi Menteri, mahu menyelewengkan kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada buat satu cadangan bahawa kita mesti ada satu sistem pre-school age education di mana anak-anak kita boleh dapat pelajaran pada masa mereka dalam formative period dan kalau Kerajaan mengadakan sistem ini, golongan yang akan mendapat untung yang terbesar sekali ialah kaum Melayu, kaum Melayu di luar bandar akan dapat faedah setinggi-tingginya, oleh kerana ini akan develop intelligence mereka dan boleh menolong mereka dalam sekolah dan peringkat universiti, dapat pelajaran yang setinggi-tingginya. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini memihak satu kaum sahaja, tetapi saya rasa akhirnya kalau kita mahu sistem pelajaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu, apa yang mustahak ialah fikiran-fikiran yang ada pada Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti dibersihkan oleh kerana fikiran sesat ini tidak boleh mewujudkan satu masyarakat yang bersatu-padu dan tak gunalah kata bahawa matlamatnya ialah perpaduan negara, kalau sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak begitu.

Tadi saya tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, tetapi beliau tidak tahu, apa guna? Dia tidak baca dan tidak tahu apa, semuanya tidak tahu, pura-pura dia tahu.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sebut lagi sekali.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam konteks pura-pura ini lain sedikit daripada tadi Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Tragedi Feri Sungai Krian

4.54 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lalu 13hb September, 1972 merupakan hari gelap kepada beberapa keluarga di kawasan Bharu, Parit Buntar. Pada hari tragedi itu 27 orang termasuk kebanyakan kanak-kanak dalam perjalanan mereka ke sekolah didapati mati lemas dalam tragedi feri Sungai Krian. Tragedi ini mengejutkan dan menjadikan seluruh lapisan masyarakat lebih-lebih lagi keluarga-keluarga yang . . .

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini tentu ada Menteri yang bertanggungjawab, di mana Menteri-nya? Menteri tidak ada—itu tidak bertanggungjawab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya pun nampak tadi, sebab itu saya

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya ada di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! saya tidak nampak.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa hal?

Tuan Hashim bin Endut: Mengikut Peraturan Mesyuarat Bilangan 13 nampaknya koram pada hari ini tidak mencukupi, saya menarik perhatian tidak cukup koram sekarang.

(Loceng dibunyikan)

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Tadi ada satu usul yang dikemukakan oleh seorang Timbalan Menteri bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang. Kalau tidak ada koram bukan sahaja Ucapan Tangguhan tidak boleh diteruskan, usul itu pun tidak

boleh diputuskan dan bukankah itu bererti bahawa Dewan ini tidak boleh ditangguhkan? Nampaknya sungguhpun ada kenaikan gaji 100%, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional semuanya lari.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Buang masa sahaja, tidak usah panjang-panjang.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Oleh kerana tidak ada koram bukan sahaja Ucapan Tangguhan tidak boleh diteruskan tetapi usul itu belum diputuskan, adakah itu bererti bahawa Dewan ini tidak boleh tangguh oleh kerana tidak ada koram untuk memutuskan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya minta masa dua minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana koram tidak cukup maka atas kuasa yang ada pada saya, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang esok, 11hb Jun 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.00 petang.